

Jilid IV  
Bil. 20



MALAYSIA

Hari Isnin  
7hb April, 1986

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEENAM  
*Sixth Parliament*

PENGGAL KEEMPAT  
*Fourth Session*

## KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 2981]

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) [Ruangan 3028]**

**Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) [Ruangan 3041]**

**Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) [Ruangan 3045]**

**Rang Undang-undang Pilihanraya (Pindaan) (Ruangan 3049)**

**Rang Undang-undang Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) [Ruangan 3085]**

### **USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 3099]**

MALAYSIA

## **DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

### **PENGGAL YANG KEEMPAT**

#### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

- „ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM**, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, **DATO' MAK HON KAM**, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM**, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **DATUK AMAR STEPHEN YONG KUETTZE**, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P ONGKILI S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO DR LWG LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Menteri Buruh, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Patoh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar),
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K, J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPAUNG, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK Krr (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIPHON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM Krr SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALLI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,  
P.B. (NilamPuri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.  
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.  
(Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN,  
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas),
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAINBIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,  
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.  
(Panti).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.  
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.  
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,  
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading)
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Ktuang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZANAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,  
K.M.N. (Tanjong Karang).



## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.  
Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.  
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.  
Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.  
Penyunting Kanan: P. B. Menon.  
Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.  
Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.  
Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pemberita-pemberita*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.  
Suhor bin Husin.  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.  
Juliah binti Awam.  
Supiah binti Dewak.  
Ismail bin Hassan.  
Shamsiah binti Mohd. Yusof.  
Hajjah Kalsom binti Ghazali.  
Mohamed bin Osman.  
Norishah binti Mohd. Thani.  
Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Isnin, 7hb April, 1986

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

diwartakan sebagai Muflis, adakah mereka telah mematuhi syarat-syarat yang telah dikenakan.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdul Rahman bin Suliman.

**Tuan Abdul Rahman bin SuUman:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya minta buat pembetulan sedikit. Pembetulan di "(c)" ayat pertama iaitu "seorang itu di dalam ini ditawarkan". Sebenarnya, "diwartakan". Soalan pertama, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**BANKRAP—JUMLAH  
DIWARTAKAN**

**1. Tuan Abdul Rahman bin Suliman** minta Menteri Kehakiman menerangkan:

- (a) berapa ramaikah orang yang telah ditawarkan sebagai Muflis dalam tahun 1984, 1985 dan hingga Pebruari, 1986;
- (b) berapa jumlah dari kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan dan berapa dari kalangan peniaga; dan
- (c) apakah syarat-syarat tanggungan apabila seseorang itu

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bilangan orang yang telah diwartakan bankrap dalam tahun-tahun tersebut adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan orang</i>
1984 .. .. .	1,377
1985 .. .	1,888
1986 (hingga Februari)	425

- (b) jumlah kakitangan Kerajaan yang diwartakan bankrap adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>BUangan orang</i>
1984.. . . .	36
1985 .. . . .	47
1986 (hingga Februari)	12

Jabatan Pemegang Harta tidak mempunyai statistik yang mencerakinkan secara khusus kepada kategori peniaga atau sebagainya.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kenyataan dari mereka yang diwartakan bankrap, lebih dari 60% daripada mereka adalah terdiri dari peniaga-peniaga dan yang selebihnya ialah penjamin kepada peminjam-peminjam sama ada yang menjamin

daripada pemberi pinjam wang, syarikat kewangan atau institusi-institusi kewangan.

(c) di antara syarat-syarat tanggungan apabila seseorang itu diwartakan bankrap ialah:

(i) (a) hilang kelayakan menjadi Ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara, Majlis Perundangan Negeri dan Majlis Kerajaan Tempatan;

(b) hilang kelayakan menjadi atau dilantik sebagai Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen dan Majistret di Mahkamah Majistret;

(c) hilang kelayakan menjadi Ahli dalam Jawatankuasa, Penasihat atau pekerja dalam sesuatu Pertubuhan Berdaftar.

(ii) dilarang menjadi Pengarah di mana-mana syarikat atau menjalankan perniagaan sendiri tanpa kebenaran Mahkamah atau Pegawai Pemegang Harta, Malaysia;

(iii) dilarang mengurus perniagaan kepunyaan saudara-maranya tanpa kebenaran Pegawai Pemegang Harta, Malaysia atau Mahkamah;

(iv) dilarang meninggalkan Negara Malaysia tanpa kebenaran Pegawai Pemegang Harta, Malaysia atau Mahkamah;

(v) dilarang memiliki harta;

(vi) dilarang memperoleh kredit lebih daripada \$100.00 tanpa memberitahu dirinya seorang bankrap;

(vii) dikehendaki memfailkan penyata pendapatan dan perbelanjaan setiap enam bulan sekali dengan Pegawai Pemegang Harta, Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga kebanyakan bankrap mematuhi syarat-syarat tanggungan tersebut. Jika terdapat seseorang bankrap itu melanggar mana-mana syarat di atas, maka pihak Pemegang Harta Malaysia boleh mengambil tindakan pendakwaan terhadapnya di mana-mana, apabila disabit, hukuman maksima yang boleh dijatuhkan adalah dua tahun penjara atau denda, atau kedua-duanya sekali.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:**

Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kerajaan sedar terdapat seseorang itu kadangkala sebelum ianya diisytiharkan sebagai bankrap telah mengambil tindakan untuk menukarkan harta-hartanya kepada saudara-maranya dan ini adalah bertentangan mengikut sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu dilarang memiliki harta. Dan jika sedar, apakah langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan ini ataupun meminda peraturan-peraturan yang ada yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan yang terperinci, apakah yang dimaksudkan dengan dilarang memitiki harta, maksud "harta" di situ?

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:**

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama mengenai sama ada pihak berkuasa sedar atau tidak sedar si bakal bankrap itu menukarkan harta, sebenarnya kita

mempunyai cara-cara untuk mengesan hal ini dan apabila mendapat laporan, tentu kita ambil tindakan.

Yang kedua, penjelasan mengenai dilarang memiliki harta, ini sebarang harta yang sama ada kepunyaannya sendiri atau keluarganya, perkara-perkara yang kita anggap melebihi kehendak asasnya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

*(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim tidak hadir).*

#### NYAMUK AEDES

**3. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan berapa orang penduduk Wilayah Persekutuan yang telah didenda kerana membiak nyamuk aedes hingga kini dan berapa kali dalam sebulan pihak Dewan Bandaraya membuat semburan kabus mencegah aedes di tiap-tiap kawasan dalam Kuala Lumpur dan adakah Dewan Bandaraya mendapat kerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor bagi membasmi nyamuk aedes di kawasan-kawasan yang berhampiran.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad);** Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun yang lalu (1985), Dewan Bandaraya telah membuat pemeriksaan di 138,485 premis. Bagi tahun ini iaitu dari bulan Januari hingga Februari, sebanyak 10,743 premis telah diperiksa. Dari pemeriksaan tersebut, seramai 1,919 orang penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah didenda kerana didapati membiak jentik-jentik. Semburan ini dilakukan di kawasan meliputi 2,000 meter di rumah pesakit. Semburan juga dilakukan di kawasan di mana didapati indeks Aedes tinggi iaitu melebihi daripada 5%. Semburan

dibuat sebanyak dua kali pusingan dan tempoh antara satu semburan dengan semburan yang lain ialah 7 hingga 10 hari.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 1985 361,558 premis telah disemur.

Bagi tahun 1986 iaitu bulan Januari hingga Februari sebanyak 47,852 premis telah disemur juga.

Di dalam usaha membasmi nyamuk-nyamuk aedes Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur memang bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Selangor, datam hal ini di mana kes demam denggi dilaporkan berlaku di dalam kawasan negeri Selangor, laporan itu akan disampaikan dalam masa 24 jam.

Aktiviti pemeriksaan, membasmi tempat pembiakan nyamuk juga dilakukan bersama di kawasan berhampiran, di samping itu laporan aktiviti mingguan ke atas kes-kes denggi disampaikan kepada Pusat Rancangan Kawalan Penyakit bawaan vector di Kementerian Kesihatan.

**Tuan Mohanunad Idris bin Mohammad Basri:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, pertama saya ingin mendapat penerangan lanjut tentang perkataan "premis" ini. Ada beribu-ribu premis yang telah disemur.

Kedua, saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Menteri sedar bahawa semburan pusingannya dua kali di antara 7 ke 10 hari mengikut penerangannya, kadangkala kita dapati semburan ini hanya dijalankan mengikut jalan-jalanraya yang tertentu dan tidak masuk ke kawasan perumahan yang ada di bahagian pendalaman jalan. Adakah pihak Yang Berhormat Menteri sedar dan kalau sedar apakah tindakan selanjutnya?

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:**  
Tuan Yang di-Pertua, dari segi perkataan "premis" itu dimaksudkan dengan rumah dan kawasan serta kedai, bangunan dan yang boleh dikatakan sebagai kawasan di mana terdapat bukti-bukti atau index aedes yang saya sebutkan tadi.

Dari segi semburan itu memanglah saya rasa mungkin atas sebab-sebab yang tertentu daripada masa ke semasa, pada tempoh kali yang kedua mungkin berlaku kegagalan untuk menyemburkan pada keseluruhan kawasan. Tetapi dari segi arahan dan kebiasaan amalan biasanya semburan itu dilakukan kepada kawasan yang saya sebutkan iaitu dalam lengkong 200 meter daripada rumah pesakit atau tempat yang telah didapati adanya bukti sakit aedes ataupun pembiakan jejentek-jejentek, dan ini dilakukan dari semasa ke semasa mengikut dua kali pada tempat-tempat yang telah ditentukan dan dipastikan mempunyai index aedes yang tinggi. Kalau sekiranya ada kawasan-kawasan yang hanya kena semburan kali yang pertama dan perlu semburan selepas itu, ini boleh kita lakukan melalui kerjasama di antara pihak tempatan dan juga pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

#### **PENYEKSAAN KANAK-KANAK— UNDANG-UNDANG**

**4. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa peruntukan-peruntukan undang-undang mengenai penyeksaan kanak-kanak adalah sudah ketinggalan masa dan apakah langkah yang akan diambil untuk mengemaskini undang-undang; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan menimbang peruntukan undang-undang yang mewajibkan doktor melaporkan kes-kes

penyeksaan kanak-kanak yang dirujuk kepada mereka untuk rawatan.

**Menteri Kebajikan Masyarakat  
(Dato\* Abu Hassan bin Haji Omar):**  
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian saya memang sedar tentang perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Untuk makluman beliau serta Dewan yang mulia ini, Akta berkaitan dengan penyeksaan kanak-kanak yang dikendalikan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat ialah Akta Kanak-kanak dan Orang Muda, 1947. Sebagai langkah untuk mengemaskinikan Akta tersebut, Kementerian saya telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan, serta juga pakar-pakar yang lain, untuk mengkaji dan memperakukan kepada Kerajaan pindaan-pindaan yang perlu terhadap Akta tersebut. Jawatankuasa ini telah pun bermesyuarat dua kali pada tahun ini dan dijangka akan menyelesaikan tugasnya tidak berapa lama lagi.

- (b) Berkenaan dengan cadangan supaya mengadakan undang-undang mewajibkan semua doktor melaporkan kes-kes penyeksaan kanak-kanak yang dirujuk untuk rawatan kepada mereka, cadangan ini telah pun dikemukakan kepada Kementerian saya sebagai salah satu daripada usul-usul yang telah ditetapkan dalam Seminar Kebangsaan mengenai "Penderaan dan Pengabaian Kanak-kanak" yang telah diadakan pada bulan Januari, 1986. Seminar ini dianjurkan oleh Kementerian saya

bersama-sama dengan Majlis Kebangsaan Kanak-kanak Malaysia. Cadangan tersebut sedang dikaji oleh Jawatankuasa yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan yang mulia ini bilangan kes penyeksaan kanak-kanak, yang telah diterima oleh Kementerian yang berkenaan sejak bulan Januari tahun 1986 ini.

Yang kedua, saya ingin tahu sama ada pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menganggap masalah penyeksaan kanak-kanak sebagai satu masalah yang serius dan telah sampai satu tahap yang memerlukan perhatian yang segera oleh Kementerian yang berkenaan.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai hal ini.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan kes yang kita dapati sehingga tahun ini, iaitu kes yang telah dilaporkan ke Kementerian semenjak tahun 1981 hinggalah sekarang ini, adalah sebanyak 490, dan bagi tahun ini adalah sebanyak 11, iaitu tahun 1986.

Berkenaan dengan masalah yang disebutkan tadi, sama ada kes ini adalah satu kes yang serius, maka memanglah serius memandangkan kepada bilangan kes-kes yang telah dilaporkan, yang mana mengikut pendapat Kementerian adalah hanya sebilangan kecil sahaja kes-kes yang sebenarnya berlaku tidak semua kerana kes penganiayaan dan pengabaian ini dilaporkan kepada Kerajaan. Oleh itu, Kerajaan dan juga Kementerian saya memandang ianya sebagai satu masalah yang serius dan sedang menyusun beberapa langkah bagi mengatasinya, termasuklah meminda ataupun mengadakan undang-undang yang baru bagi

membendung keadaan yang berkenaan.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, soatan tambahan. Saya mohon Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan iaitu mengenai definisi "penyeksaan" kanak-kanak, apakah yang sebenarnya yang dikatakan penyeksaan kanak-kanak? Adakah ianya merupakan penyeksaan yang bertartutan atau berpanjangan dari masa ke semasa, seperti kanak-kanak itu dikurung ataupun diikat di dalam bilik ataupun kanak-kanak itu dipukul dengan teruk oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab?

Yang keduanya, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Adakah menggunakan tenaga buruh kanak-kanak dengan secara yang tidak berperikemanusiaan oleh majikan-majikan yang tertentu juga boleh dianggap sebagai penyeksaan kanak-kanak ini. Jika ya, setakat ini berapa bilangan mereka yang telah mengeksploitasikan tenaga buruh kanak-kanak ini yang telah dilaporkan kepada Kementerian. Terima kasih.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta yang saya sebutkan sebentar tadi, iaitu Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947, definisi "penganiayaan" adalah seperti berikut iaitu:

- (i) memukul;
- (ii) menyeksa;
- (iii) mengabai;
- (iv) mendedah kepada bahaya seperti melakukan sesuatu sehingga kanak-kanak tersebut tercedera, dan ini termasuk kekejaman terhadap kanak-kanak; juga kanak-kanak yang dijadikan pengemis, diperdayakan dan kanak-kanak yang tidak disediakan asas penghidupan.

Penganiayaan ini termasuklah penganiayaan dari segi fizikal seperti dipukul atau diseksa, penganiayaan emosi seperti didera tanpa diberi makan minum, digertak akibatnya hidup dalam cemas dan derita batin, penganiayaan seks seperti mengambil kesempatan memaksa bersetubuh dan juga penganiayaan dari segi tanggungjawab, yakni mengabaikannya sehingga terpaksa menjadi pengemis, penjahat, rosak akhlak dan sebagainya. Itulah definisi yang dapat saya behkan kepada Ahli Yang Berhormat.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, iaitu dari segi majikan-majikan yang mengambil kanak-kanak untuk bekerja sebelum mereka berumur 18 tahun, mereka adalah dianggap kanak-kanak dan ini adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Buruh. Oleh itu, pihak saya tidak ada angka-angka khas berkenaan perkara ini. Tetapi rujukan ada dibuat dari masa ke semasa dan Kementerian saya mengambil tindakan terhadap majikan-majikan yang berkenaan jika didapati bahawa kanak-kanak yang berkenaan termasuk dalam definisi penganiayaan yang saya sebutkan tadi.

#### **POLARISASI KAUM— SURUHANJAYA**

**5. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja ke dalam masalah polarisasi kaum di Malaysia kerana ramai rakyat Malaysia termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, dan bekas Perdana Menteri kita, Tun Hussein Onn, telah mengakui bahawa ia telah menjadi satu masalah yang paling serius dalam sejarah negara dan nampaknya ia sedang menuju ke arah keburukan (aggravation) yang lebih yang akan melemahkan perpaduan negara.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kerana keanggotaan Panel Penasihat Perpaduan Negara telah diperbesarkan dan juga Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Negeri ditubuhkan untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah yang berbangkit. Kerajaan sentiasa berusaha dengan melaksanakan beberapa dasar dan strategi tertentu untuk mengurangkan perasaan tidak puas hati di antara kaum. Telah menjadi cara hidup kita di Malaysia supaya apa jua perasaan tidak puas hati diselesaikan secara perundingan dan bukannya dengan cara melaga-lagakan satu kaum dengan kaum yang lain.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Musa Hitam dari Panti, yang mana keduanya pernah memegang jawatan yang begitu tertinggi bersetuju bahawa masalah polarisasi kaum sudah menjadi satu masalah yang besar di negara kita, tetapi nampaknya Kerajaan tidak bersetuju. Adakah ini antara sebab Yang Berhormat dari Panti itu undur dari Kerajaan ialah oleh kerana Kerajaan tidak mahu mengakui wujudnya masalah polarisasi kaum dan tidak mahu mengambil tindakan efektif supaya masalah-masalah ini boleh diatasi.

Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Lembaga Perpaduan Negara tidak berguna dan tidak memberi apa-apa sumbangan bagi mengatasi masalah polarisasi kaum yang sehinggakan orang-orang yang tertinggi lagi jujur dan ikhlas pun mengakui masalah ini adalah masalah utama di dalam negara kita selain daripada Kerajaan.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat wakil dari Kota Melaka lebih mengetahui daripada Yang Berhormat dari Panting kenapa ianya berundur. Dan saya pasti sebab-sebab yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi tidak selaras dengan pemikiran yang menyebabkan Ahli Yang Berhormat dari Panting mengundur diri. Saya percaya melainkan Yang Berhormat dari Kota Melaka lebih mengetahui daripada saya.

Yang pertama tadi, sebenarnya kita tahu satu bentuk perpaduan telah wujud di negara kita. Itulah sebabnya kita percaya rakyat jelata di dalam negara kita ini bebas sahaja hendak pergi ke mana-mana tanpa gangguan dan kita merasakan selamat untuk bergerak melaksanakan demokrasi berparlimen dan sebagainya. Apa yang telah difikirkan oleh pemimpin-pemimpin yang mana Yang Berhormat telah sebutkan tadi ialah untuk kita memikirkan lagi cara-cara yang patut kita lakukan untuk meningkatkan tahap perpaduan dan integrasi. Inilah kenyataan yang disebutkan tadi sekiranya ada berkaitan dengan masalah ini. Sebenarnya semua orang sudah pun boleh memperakui bahawa satu bentuk perpaduan yang sihat sudah pun ada, kita ingin memperbaiki sahaja.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri iaitu rakyat Malaysia tahu bahawa masalah polarisasi kaum ini adalah atas mainan politik terutamanya parti-parti Pembangkang. Adakah pihak Kerajaan berhasrat dan bercadang supaya mengadakan satu peraturan baru ataupun syarat-syarat tertentu kepada semua parti-parti politik sama ada yang telah wujud ataupun yang akan wujud supaya sifat-sifat atau bawabau perkauman hendaklah dihindarkan.

Yang kedua, sejauh yang telah dikaji oleh anggota Panel Penasihat Negara, masalah polarisasi kaum ini adakah timbulnya ataupun masih selalu diperkatakan akibat daripada usaha-usaha untuk memperbaiki kedudukan ekonomi antara kaum yang jauh ketinggalan dengan kaum yang telah jauh maju. Jadi, sejauh manakah telah dapat dirapatkan jurang di antara kedudukan ekonomi kaum-kaum dalam negara kita.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya menganggapkan bahagian pertama apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi sebagai satu cadangan supaya semua parti-parti khususnya parti Pembangkang betul-betul dapat menggunakan kebijaksanaan untuk hendak mengelakkan wujudnya polarisasi kaum ini. Dan saya percaya polarisasi kaum ini boleh jadi lebih ketara kalau selalu sangat disebutkan oleh pihak-pihak Pembangkang. Kalau kurang disebut dan kita memupukkan semangat untuk mewujudkan perpaduan ianya akan pergi ke arah perpaduan.

Selain daripada itu Panel Penasihat ini telah dapat mengemukakan banyak cadangan-cadangan kerana Ahli-ahli Panel Penasihat ini terdiri dari pemimpin-pemimpin masyarakat daripada semua lapangan dari bidang akademik, agama, politik dan sebagainya dan ini boleh dijadikan satu asas untuk mewujudkan kaedah perpaduan yang baik.

#### GURU AGAMA/KEMAS— TEMUDUGA

**6. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai Guru-guru Agama dan Guru-guru Quran KEMAS telah ditemuduga dalam tahun 1985. Tetapi sehingga ke



hari ini mereka masih belum dipanggil untuk berkhidmat. Jika sedar, apakah tindakan beliau setakat ini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa KEMAS telah menemuduga calon-calon Pemaju Masyarakat Agama bagi Negeri Perak sedikit masa lalu. Temuduga jawatan tersebut telah diadakan pada bulan Februari hingga April, 1985 yang lalu berdasarkan kelulusan yang diberikan pada tahun 1984. Seramai 404 orang calon telah ditemuduga dalam tempoh tersebut. Dari jumlah ini seramai 200 orang telah diperakukan untuk dilantik oleh KEMAS Perak.

Walau bagaimanapun perlantikan tidak dapat dibuat memandangkan bahawa jumlah Pemaju Masyarakat yang dilantik pada tahun 1985 telah memenuhi kuota yang diluluskan oleh Perbendaharaan berikutan dengan pengambilan alih TBK Sabah oleh KEMAS pada awal tahun 1985 yang berjumlah 92 buah dengan kakitangan berjumlah 182 orang.

Bagi tahun 1986 kuota Pemaju Masyarakat Agama di Negeri Perak ialah 348 orang sementara 336 orang sahaja telah diisi; 12 jawatan lagi telah kosong kerana perletakan jawatan dan kematian.

Oleh hal yang demikian, Bahagian KEMAS di bawah Kementerian ini akan cuba menambah bilangan kumpulan dan menggalakkan pertambahan bilangan peserta setiap kumpulan dengan jumlah Pemaju Masyarakat yang ada.

**Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah syarat-syarat pemilihan seorang Guru Agama dan Quran KEMAS ini? Berapa ramaikah Guru-guru Quran ini yang dikelolakan

oleh seorang Penyelia KEMAS dan adakah Penyelia-penyelia Agama KEMAS ini mencukupi untuk mengelolakan Guru Agama dan Guru Quran bagi tiap-tiap satu kawasan Parlimen.

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, di antara syarat-syarat pengambilan Pemaju-pemaju Masyarakat khususnya Bahagian Agama ini, saya pernah menjawab di Dewan yang mulia ini tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekali lagi, syarat-syaratnya ialah pegawai-pegawai KEMAS ini, Pemaju-pemaju Masyarakat ini hendaklah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran ataupun setaraf dengannya dan juga pemohon-pemohon ini hendaklah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga tahun barulah mereka ini layak untuk dipertimbangkan mengisi jawatan Pemaju Masyarakat untuk Bahagian Agama ini dan juga kita mestilah menumpukan pengalaman Guru-guru Agama ini dalam bidang agama yang diperlukan untuk mengajar pelajaran agama.

Saya telah menyatakan berapa ramai Guru-guru Agama di tiap-tiap kawasan khususnya di Perak. Bilangan ini memanglah tidak mencukupi. Maka itulah Kementerian telah pun mencuba untuk menambah bilangan kumpulan-kumpulan (groups) di tiap-tiap kawasan di mana kita dapati Guru-guru Agama ini kurang supaya dengan cara ini kita akan dapat meliputi banyak kawasan dengan Guru-guru Agama yang terhad.

## MEMBUNUH DIRI—SEBAB-SEBAB

**7. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramai orang mati membunuh diri dan kes-kes cuba bunuh diri 1980-1985. Apa sebab-sebabnya yang diketahui. Apa cara-cara mereka.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad);** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes bunuh diri di antara tahun 1980 hingga 1985 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah kes</i>
1980 .. .. .	557
1981 .. .. .	546
1982 .. .. .	605
1983 .. .. .	582
1984 .. .. .	617
1985 .. .. .	674

Sementara jumlah kes cuba bunuh diri pula bagi jangka masa yang sama adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah kes</i>
1980 .. .. .	107
1981 .. .. .	164
1982 .. .. .	167
1983 .. .. .	212
1984 .. .. .	212
1985 .. .. .	191

Tuan Yang di-Pertua, di antara sebab-sebab berlakunya perbuatan membunuh diri dan cuba bunuh diri adalah seperti berikut:

- (1) masalah hutang piutang;
- (2) kecewa bercinta;
- (3) dimarah suami;
- (4) perasaan malu;
- (5) gagal mendapat pekerjaan;
- (6) susah hati;
- (7) bergaduh dengan keluarga;
- (8) kurang siuman;
- (9) mengandung luar nikah;
- (10) tidak mendapat dadah;
- (11) sakit lama;
- (12) ketagihan arak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara cara-cara membunuh diri dan cuba bunuh diri yang dapat dikesan dan jumlah kes bagi tahun 1980 hingga 1985 adalah seperti berikut:

Bunuh diri dan cuba bunuh diri <b>minum</b> racun	2,287 dan 610
Terjun dari bangunan tinggi	141 dan 31
Gantungdin .. .. .	901 dan 87
Tembak .. .. .	48 dan 60
Makan pil .. .. .	43 dan 68
Bakar diri .. .. .	49 dan 67
Dilanggar keretapi ..	4
Cubabunuhdin .. ..	tiada
Tikam dengan senjata	108 dan 130

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu memandangkan banyaknya kes membunuh diri dan cuba membunuh diri dan kes ini adalah tidak baik bagi mereka yang terlibat dan bertentangan dengan agama dan kesusilaan hidup dan matlamat hidup manusia, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada Kerajaan memandang serius atau tidak tentang masalah ini. Menganggapnya sebagai serius ataupun tidak dan tidakkah ada satu-satu langkah yang diambil untuk menerangkan kepada rakyat atau menjalankan satu-satu usaha supaya kes-kes membunuh diri dan cuba membunuh diri ini dapat dikurangkan.

**Dato Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kerajaan memandang berat terhadap apa cara kes-kes jenayah yang berlaku di negara ini termasuklah kes membunuh diri dan cuba membunuh diri. Tetapi sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, sebagaimana yang saya telah terangkan di antara sebab-sebab yang mana begitu ramai orang membunuh diri ataupun cuba membunuh diri terdapat sebab-sebab yang luar

daripada jagaan ataupun kawalan undang-undang negara kita. Umpamanya masalah kecewa bercinta, susah hati dan seterusnya dan tempat-tempat di mana mereka cuba ataupun membunuh diri adalah di luar daripada jagaan Pasukan Polis, Pasukan Keselamatan kita, tidak dapatlah kita hendak mengawal tempat-tempat bangunan-bangunan tinggi yang ada di negara kita, jambatan juga termasuk dan cara-cara orang yang minum racun yang begitu ramai.

Walau bagaimanapun dari masa ke semasa Pasukan Polis dari Kementerian Dalam Negeri menjalankan kempen untuk tidak menggalakkan orang membunuh diri ataupun cuba membunuh diri. Tetapi ini terpulanglah semata-mata kepada orang itu sendiri.

**Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, yang ramai yang membunuh diri atau cuba hendak membunuh diri ini adakah daripada kalangan wanita dan berapa ramaikah wanita ini cuba hendak membunuh diri dan adakah daripada wanita yang membunuh diri daripada orang-orang Islam?

**Dato Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah kaum wanita tidak terkeluar daripada jenis mereka yang cuba hendak membunuh diri dan juga telah pun membunuh diri. Tetapi untuk menjawab soalan Yang Berhormat dengan tepat berapa bilangannya, saya mohon untuk menjawab secara bertulis.

**Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya bertanya yang membunuh diri ini, adakah daripada goiongan orang-orang Islam?

**Oato Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah jawab, memang ada wanita, tetapi dari

segi bilangannya itu, saya mohon menjawab dengan cara bertulis.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbangan Menteri adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa kalau mengadakan khidmat kaunseling lebih luas lagi akan dapat meringankan atau mengurangkan bilangan mereka yang begitu tertekan emosinya sehingga membunuh diri dan jika ya, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mewujudkan lebih banyak lagi khidmat kaunseling ini?

**Dato Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan saranan Ahli Yang Berhormat tadi memanglah khidmat kaunseling ini salah satu daripada khidmat yang kita boleh berikan kepada masyarakat umum agar melalui khidmat ini tidak begitu banyak orang yang kecewa dan cuba membunuh diri ataupun membunuh diri. Tetapi sepertimana kita semua sedia maklum untuk mewujudkan khidmat kaunseling dengan begitu luas kita memerlukan kewangan yang begitu banyak. Jadi atas cadangan itu saya mengambil perhatian untuk dilaksanakan di masa akan datang.

#### HARGA MINYAK PETROLEUM— KESAN

**8. Tuan Haji Mohd. Zain Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan sejak harga minyak petroleum mentah jatuh, bagaimanakah kesannya kepada negara kita Malaysia dan juga negara-negara Asian yang lain. Nyatakan kedudukan urusniaga Malaysia sekarang dengan menyatakan keuntungan atau kerugian. Nyatakan pendapatan eksport petroleum bagi seluruh tahun 1985; dan bagaimanakah pengeluaran purata minyak petroleum mentah Malaysia, sehari, dalam bulan

Januari, 1986, sama ada sebanyak 510,000 tong (sehari) seperti yang diramalkan.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan harga minyak mentah akan mengakibatkan pengurangan pendapatan eksport untuk Malaysia dan pengurangan sumbangan hasil petroleum kepada pendapatan Kerajaan. Lain-lain pengeksport petroleum di Asia akan mengalami nasib yang sama.

Kedudukan urusniaga Malaysia pada tahun 1985 dari segi eksport dan import keseluruhannya menunjukkan lebihan dagangan sebanyak \$7,687 juta, di mana jumlah nilai eksport negara ialah \$38,245 juta berbanding dengan nilai import negara berjumlah sebanyak \$30,558 juta.

Pada keseluruhan tahun 1985, pendapatan yang diperolehi daripada eksport petroleum berjumlah \$10,679 juta. Purata kadar pengeluaran minyak mentah pada bulan Januari 1986 ialah 472,600 tong sehari, iaitu kurang sebanyak 37,400 tong sehari dari kadar yang ditetapkan untuk tahun ini.

Kadar pengeluaran yang rendah ini adalah disebabkan oleh cuaca yang buruk di musim tengkujuh dan landas kata di Sarawak, utara kata di Sabah, yang berhujan lebat dan cuaca tidak baik yang menghalang kapal-kapal tangki minyak untuk memunggah seperti yang telah dijadualkan. Ini mengakibatkan kapasiti tangki menyimpan di Terminal Minyak Mentah Terengganu terutama sekali digunakan sepenuhnya dan oleh itu pengeluaran perlu dikurangkan. Namun demikian, keadaan begitu adalah bermusim dan pengeluaran dipertingkatkan pada bulan-bulan yang berikutnya.

**Tuan Chan Kok Kit:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat

Menteri beritahu dari segi jangka masa panjang adakah pertambahan pengeluaran minyak negara kita sesuai dan apakah kos keluaran bagi satu tong minyak?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, sama ada pengeluaran minyak mentah dalam negara kita sesuai atau tidak terutama sekali berpandu kepada harga tiap-tiap satu tong. Kita semua sedia maklum bahawa pada ketika ini harga minyak mentah satu tong di dunia telah merosot dan saya telah pun memberitahu Dewan yang mulia ini pada minggu yang lalu bahawa bagi kita di Malaysia, harga satu tong minyak mentah kita itu telah menurun hampir 50% daripada harganya di penghujung tahun 1985 yang lalu. Dan oleh sebab itu jawapan saya ialah bahawa kita memang berpandu kepada harga satu tong dan seboleh-bolehnya kita cuba mengelakkan daripada mengeluarkan minyak yang banyak di musim paras harga itu tidak menggalakkan seperti yang berlaku sekarang, harga minyak kita pada ketika ini ialah, minyak mentah kita, adalah di antara US\$13-US\$15, pada ketika ini, satu tong.

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. PETRONAS ditugaskan untuk mengendalikan pengeluaran minyak petroleum di negara kita dan dengan hasil yang dibuat oleh mereka telah menambahkan hasil negara, tetapi sejak akhir-akhir ini oleh kerana kejatuhan harga minyak di pasaran dunia dan kurangnya pengeluaran di awal tahun ini, maka kuranglah hasil negara dan kuranglah perbelanjaan mengurus untuk kepentingan rakyat negara ini.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah cadangan, strategi atau, dengan izin, diversification activity PETRONAS untuk menambahkan hasil negara, memandangkan baru-baru ini kita

telah mengubahkan Akta Petroleum Nasional ini untuk membolehkan mereka melibatkan diri dalam perniagaan bank dan apakah strategi baru dan penerokaan baru untuk membawa hasil yang banyak kepada negara kita?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya matlamat-matlamat bagi PETRONAS itu kekal, sepertimana yang telah ditentukan di dalam Akta Pembangunan Petroleum, 1974, iaitu untuk mencarigali dan membangunkan kawasan-kawasan lembah-lembah (fields) yang didapati mempunyai minyak ataupun gas di negara kita ini dan sesungguhnya harga minyak telah menurun begitu merosot, tetapi matlamat-matlamat ini memanglah kekal sebagai matlamat-matlamat utama bagi PETRONAS.

Walau bagaimanapun, di tahun-tahun akhir ini PETRONAS telah berkecimpung di dalam pemegangan ekuiti dan perusahaan perniagaan tetapi pada umumnya tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab PETRONAS kekal sebagai pencari, peneroka dan pembangun minyak petroleum dan gas di negara kita ini, di mana sahaja boleh kita dapati dua bahan semulajadi ini. Dengan ini, PETRONAS memang sentiasa juga membantu dan menjalankan peranannya dari segi menambahkan pendapatan negara, ekonomi negara dan hasil negara dengan seberapa boleh, tetapi sebagai dasar PETRONAS sebenarnya tidaklah begitu digalakkan untuk berkecimpung lebih luas lagi di dalam bidang komersial ataupun perniagaan.

#### CARIGALI MINYAK DI UTARA MALAYSIA

**9. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil carigali minyak yang telah dijalankan di kawasan Utara Malaysia

termasuk kawasan Sempadan Malaysia/Thai, dan sejauh mana usahasama yang dicadangkan di antara kedua pihak dalam usaha mengeluarkan Minyak dan gas seperti saranan yang telah dibuat oleh Y.A.B. Perdana Menteri kita.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, aktiviti-aktiviti eksplorasi belum lagi dijalankan di kawasan-kawasan tersebut.

PETRONAS telah mempelawa syarikat-syarikat yang berminat dalam menjalankan usaha-usaha mencarigali minyak di Malaysia untuk iaitu mengkaji data bagi kawasan Barat Laut, Selat Melaka. Beberapa syarikat-syarikat tersebut kini telah pun mula mengkaji data seismik dan data penggerudian yang diperolehi dari kawasan tersebut, sebelum mereka memutuskan untuk menerokanya dan terus membuat tawaran untuk membangunkan kawasan tersebut.

Kerajaan Malaysia dan Thailand telah berunding dengan lanjut ke arah penubuhan sebuah Pihak Berkuasa Bersama untuk Pembangunan (Joint Development Authority) bagi kawasan perairan di sempadan Malaysia/Thailand di luar pantai negeri Kelantan. Rancangan untuk aktiviti-aktiviti mencarigali minyak dan gas akan dibuat sebaik-baik sahaja perjanjian bagi menubuhkan pihak Berkuasa Bersama itu dapat dimeteri.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrabim:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita telah dimaklumkan oleh Penasihat PETRONAS iaitu Tun Hussein Onn pada akhir 1984 bahawa daripada hasil kajian awal berkenaan dengan kawasan perairan negeri Kedah dengan Pulau Langkawi menunjukkan ada potensi untuk mengeluarkan gas di kawasan tersebut.

Saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua, sama ada kajian selanjutnya telah pun dibuat untuk mengetahui

berapa banyakkah gas yang tersimpan di kawasan tersebut dan adakah ini satu kawasan yang boleh diusahakan dan apakah tindakan-tindakan selanjutnya yang telah dibuat oleh pihak PETRONAS untuk mengusahakan gas di kawasan yang saya sebutkan tadi?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawapan bahagian pertama jawapan saya tadi, apabila saya katakan Barat Laut adalah bermakna Kedah dan Perlis di Selat Melaka. Jadi, jawapan saya terkandung di dalam perenggan pertama itu. Oleh sebab kajian seismik itu adalah kajian yang peringkat awal sekali di dalam sistem mencarigali minyak ini, maka selepas seismik dibuat, yang mana telah pun dibuat seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dan juga telah dikatakan oleh Penasihat PETRONAS juga, hasil kajian seismik itu diperiksa atau diuji dengan teliti; dan hanyalah kalau didapati daripada kajian seismik itu yang kawasan itu menunjukkan ada hidro-karbon iaitu minyak mentah ataupun gas yang dalam kumpulan atau bentuk komersial banyaknya, maka barulah pihak PETRONAS ataupun syarikat-syarikat yang saya telah sebut tadi yang telah dipetawa untuk meninjau kawasan tersebut mengambil keputusan sama ada terus menggunakan lagi modal-modal yang berpuluh juta, barangkali sampai beratus juta, untuk betul-betul meneroka dan membangunkan kawasan yang menunjukkan ada potensi itu.

Jadi, demikianlah kedudukan dengan kawasan Kedah dan Langkawi termasuk kawasan 99 Pulau Langkawi itu sekelilingnya telah pun dibuat pengkajian seismik dan begitulah kedudukannya. Sekiranya hasil seismik itu menunjukkan yang potensi menggalakkan, maka tentu sekali PETRONAS akan meneruskan kerja-kerja menggerudi dan mencarigali itu.

## PERTUMBUHAN SEKTOR PERINDUSTRIAN

**10. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sejauh manakah perkembangan yang telah dicapai dalam usaha-usaha meningkatkan kemajuan Perkilangan Perindustrian dalam negara sejak selama ini dan sejauh manakah yang akan dilaksanakan dan apakah pelan-pelan induk yang dirangkakan; dan
- (b) berapa peratuskah bahan-bahan mentah Malaysia seperti getah yang digunakan bagi prosesan dalam negara, dan berapa peratuskah yang dieksport terus ke negara asing, dan apakah kebolehan dan kemampuan negara kita hari ini telah berupaya memegang bahan-bahan mentah sebilangan besar untuk kegunaan prosesan dalam negara kita sendiri dengan membanyakkan kilang-kilang tempatan.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seperti Yang Berhormat mungkin maklumi beberapa tahun lalu Malaysia telah mengalami pertumbuhan yang pesat dalam sektor perindustrian, tetapi keadaan mula merosot di awal tahun 1980-an oleh kerana keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang berterusan, yang telah mengurangkan permintaan luar, dan ini telah menjejaskan prestasi sektor perkilangan. Di tahun lepas dalam Belanjawan

1985 dianggarkan pertumbuhan hanya 5.2% sahaja. Walau bagaimanapun, Keluaran Dalam Negara Kasar daripada sektor perkilangan meningkat dari 17% dalam tahun 1981 kepada 21%. Kerajaan menyedari akan keadaan ini dan telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan prestasi sektor perkilangan. Rancangan Malaysia Kelima (RML) yang telah dikemukakan baru-baru ini adalah satu daripada pelan yang telah dirangka bagi tujuan ini. Pelan Induk Perindustrian yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada penghujung tahun lalu juga telah membentangkan beberapa langkah untuk mengatasi keadaan ini.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1984 penggunaan dalam negeri bagi getah asli berjumlah 63,802 tan metrik. Ini merupakan 4.5% daripada pengeluaran getah asli tempatan yang berjumlah 1.53 juta tan metrik semuanya. Bagi lain-lain bahan mentah, kadar penggunaan tempatan bagi minyak kelapa sawit mentah adalah 98% sementara bagi kayu-kayan pula hampir 100% daripada keluaran balak di Semenanjung Malaysia yang diproses dan selanjutnya. Bagi bijih timah pula kadar penggunaan tempatan adalah 1% sahaja. Kerajaan sedar betapa pentingnya meningkatkan pemerosesan tempatan bagi bahan-bahan mentah negara dan oleh itu kini mengambil beberapa langkah positif dan khususnya untuk menggalakkan penubuhan lebih banyak lagi projek-projek berasaskan bahan-bahan mentah tempatan. Langkah-langkah tersebut disyorkan

bawah Pelan Induk Perindustrian dan di antaranya termasuklah pemberian berbagai jenis galakan cukai bagi industri-industri yang berasaskan bahan-bahan mentah tempatan serta pengecualian cukai bagi bahan-bahan keperluan yang diimport. Kerajaan juga akan mempergiatkan lagi perkhidmatan nasihat teknikal melalui badan-badan penyelidikan Kerajaan. Kerajaan juga sedar bahawa pengilangan bahan-bahan mentah tempatan perlu disalurkan kepada pasaran eksport memandangkan pasaran dalam negeri yang terhad dan oleh itu usaha-usaha untuk mendapatkan pelaburan asing dalam sektor-sektor ini juga sedang dipergiatkan.

#### KRAFTANGAN—JUALAN

**11. Tuan Bahari bin Harun** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapakah jumlah hasil dari jualan kraftangan melalui pusat-pusat kraftangan setakat Disember, 1985. Adakah benar keluaran kraftangan tidak mencukupi bagi menampung permintaan. Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk menggalakkan industri ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah hasil jualan kraftangan melalui pusat-pusat kraftangan setakat Disember, 1985 iaitu sejak pusat-pusat ini mula ditubuhkan dalam tahun 1981 ialah sebanyak \$4,845,046.44.

Pada keseluruhannya adalah benar keluaran kraftangan tidak mencukupi bagi menampung permintaan, kecuali bagi barang-barang batik. Untuk

mengatasi masalah itu, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sedang dan akan terus mengambil beberapa tindakan untuk menggalakkan pertumbuhan industri ini. Ini termasuklah memberi bantuan alat perkakas, mesin-mesin yang mudah, latihan kemahiran dan galakan pemasaran ke atas hasil pengeluaran pengusaha-pengusaha.

Melalui rancangan-rancangan tersebut, mereka akan didedahkan kepada penggunaan alat-alat teknologi baru, cara dan teknik membuat rekabentuk dan pengawalan mutu. Usaha-usaha penyelidikan akan juga terus dijalankan bagi membantu pengusaha-pengusaha itu untuk meningkatkan lagi hasil pengeluaran mereka dari semasa ke semasa.

**Dato'Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Soalan tambahan, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah menerangkan memang benar keluaran kraftangan tidak mencukupi bagi menampung permintaan luar negeri. Saya ingin bertanya apakah jenis benda-benda ataupun barang-barang keluaran kraftangan yang mendapat pasaran yang baik di luar negeri?

Yang kedua, adakah pihak Kementerian ini selain daripada mengadakan teknologi yang sesuai bagi mempertingkatkan penghasilan keluaran kraftangan dan juga membantu rakyat untuk menambahkan lagi bahan-bahan mentah bagi keperluan barang-barang yang tersebut.

**Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali;** Tuan Yang di-Pertua, barang-barang keluaran kraftangan yang hari ini mendapat pasaran yang baik di luar negeri termasuklah batik, labu-labu yang kecil-kecil dan juga barang-barang yang diperbuat daripada buluh dan mengkuang. Bagaimanapun, Untuk kita mendapat pasaran yang lebih baik di luar negeri, kita terpaksa

bersaing dengan kraftangan yang datang daripada Filipina, Indonesia dan juga Thailand. Maka dalam hubungan inilah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan mencuba sedaya upaya untuk meningkatkan lagi mutu pengeluaran hasil-hasil kraftangan ini.

Bagi bantuan kepada kawasan-kawasan luar bandar, seandainya pusat-pusat ataupun Koperasi Industri Kampung dapat ditubuhkan, maka pihak Kementerian akan dapat menyalurkan mesin-mesin ataupun teknologi-teknologi dan juga nasihat-nasihat bagi membantu pengusaha-pengusaha yang telah pun ada di kawasan-kawasan yang berkenaan dan seandainya Koperasi Industri Kampung telah ditubuhkan, maka bahan-bahan mentah boleh disalurkan melalui Koperasi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob.

*(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mutang Tagal.

*(Soalan No. 13 Y.B. Tuan Mutang Tagal tidak hadir).*

## MAS—TAMBANG KHAS PENUNTUT-PENUNTUT

**14. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah syarat-syarat yang tertentu atau dikhaskan untuk mengurangkan tambang kapal terbang MAS pelajar-pelajar kita, pergi dan balik di dalam dan luar Malaysia, kalau ada kekurangan berapa peratuskah.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya bersama dengan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sentiasa



mengawasi keperluan kemudahan-kemudahan perjalanan bagi penuntut-penuntut kita mahupun di dalam atau di luar negeri.

Dalam hal ini pihak MAS telah pun mengadakan berbagai jenis tambang khas untuk penuntut-penuntut. Bagi penuntut-penuntut di dalam negeri, MAS telah mengadakan dua jenis tambang khas iaitu, dengan izin, Student Fare dan Student Standby. Student Fare merupakan tambang khas yang boleh digunakan oleh penuntut-penuntut yang membuat perjalanan di antara Semenanjung dan Kota Kinabalu dan Kuching dan sebaliknya. Walau bagaimanapun, tambang khas ini hanya boleh digunakan oleh penuntut-penuntut yang umur mereka adalah di dalam lingkungan 12 hingga 25 tahun. Tambang khas ini mempunyai potongan diskaun sebanyak 20%. Student Standby Fare pula adalah tambang khas yang boleh digunakan oleh penuntut-penuntut yang membuat perjalanan di antara mana-mana tempat di Malaysia di mana ada perkhidmatan MAS. Walau bagaimanapun, penuntut-penuntut tersebut tidak boleh membuat penempahan awal bagi tempat duduk tetapi sebaliknya dikehendaki untuk standby di lapangan terbang dan di lapangan terbang dan sekiranya ada tempat duduk yang kosong bagi penerbangan berkenaan, tempat duduk itu akan diberi kepada penuntut itu dengan tambang khas tersebut. Tambang student standby ini mempunyai potongan diskaun sebanyak 50% dan adalah juga hanya bagi penuntut-penuntut yang berumur dalam lingkungan umur dari 12 hingga 25 tahun.

Bagi penuntut-penuntut kita di luar negeri, khususnya di tempat-tempat di mana terdapat bilangan pelajar-pelajar Malaysia adalah besar seperti di Amerika Syarikat dan United Kingdom, pihak MAS telah memperkenalkan berbagai tambang

murah, khasnya untuk penuntut-penuntut seperti Tambang Penuntut yang mempunyai potongan di antara 15% hingga 68% mungkin mengikut sektor-sektor perjalanan yang berkenaan. Selain daripada negara-negara tersebut, MAS juga membuat permohonan kepada negara-negara lain seperti Australia, Mesir dan Kanada di mana terdapat ramai penuntut-penuntut Malaysia untuk mengadakan tambang-tambang murah khas.

Bagaimanapun perlu saya memaklumkan di sini bahawa tambang-tambang khas seperti ini perlu dirunding dan mendapat kelulusan daripada pihak negara yang berkenaan itu sebelum ianya boleh dilaksanakan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pelajar-pelajar ini bukan sahaja daripada umur 12 sampai 25 tahun, tetapi ada juga yang belajar sampai umur 40 tahun iaitu mahasiswa. Jadi, atas dasar apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi potongan kepada pelajar itu atas umur 12 hingga 25 tahun. Tidakkah beliau bercadang supaya potongan ini diberi kepada sesiapa sahaja yang bertaraf pelajar. Mungkin pelajar itu umurnya melebihi daripada 25 tahun kerana mereka juga bergantung kepada scholarship, kadang-kadang ada anak dan isteri; ini lagi teruk mereka, jadi bagaimana?

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar pelajar-pelajar mahasiswa tua ini dan oleh kerana mereka ini tidak ramai, biasanya kita berikan keistimewaan kepada pelajar-pelajar ini.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut

bahawa satu jenis tambang Student Standby yang diberi potongan sebanyak 50% kepada student yang terpaksa standby bila kerusi kosong, ada tempat duduk barulah boleh diberikan keistimewaan potongan 50% tadi. Adakah rancangan ini merupakan satu rancangan melepaskan batuk di tangga kerana permohonan daripada pihak-pihak yang tertentu kerana apa yang terjadi apabila student dua kali pergi standby tak dapat lagi; teks di dahpada Kuala Lumpur ke Subang umpamanya terpaksa habis \$20, \$30 atau \$40. Jadi, ertinya 50% ini tak ada makna lagi potongan yang dibuat. Apakah faedahnya kalau perkara itu dilaksanakan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat menjawab dengan ringkas?

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita hendak berikan dia masa untuk mengambil tambang student standby ini, Tuan Yang di-Pertua, ada cara-cara lain yang boleh diusahakan. Bukantah kami mengadakan usaha ini untuk melepaskan batuk di tangga kerana kami hendak menolong pelajar-pelajar tetapi kadang-kadang ada setengahnya di saat-saat yang akhir barulah dia hendak menaiki kapal terbang dan oleh kerana itu dia terpaksa menunggu, tetapi biasanya tidaklah sampai hendak kena balik ke Kuala Lumpur dan pergi balik ke lapangan terbang. Tetapi kalau setakat satu, dua jam, kalau sudah mahu kena tunggu juga.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2,12,13 dan 15 hingga 15 adalah diberi di bawah ini).*

## PASARAN SAHAM—REBUTAN KUASA

**2. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar pertelingkahan dan rebutan kuasa oleh pemilik-pemilik besar saham dalam syarikat-syarikat besar yang sahamnya disenaraikan di Pasaran Saham Malaysia boleh menjatuhkan harga saham dalam Syarikat itu, jika ya, apakah tindakan yang beliau bercadang hendak ambil bagi melindungi pemilik-pemilik saham yang kecil.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik);** Pertelingkahan dan perebutan kuasa di antara pemegang-pemegang saham besar untuk mengawal sesebuah syarikat awam adalah hal yang biasa berlaku di mana-mana negara. Harga saham mungkin naik ataupun turun bergantung kepada beberapa faktor, seperti tanggapan pasaran terhadap syarikat berkenaan, pengurusan serta dan ramalan prestasi kewangannya.

Pertelingkahan dan perebutan kuasa adalah dianggap sebagai masalah syarikat itu sendiri selagi ianya tidak melanggar peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965, dan sewajarnya diselesaikan sendiri oleh pihak-pihak berkenaan. Jika gagal, ianya hendaklah diselesaikan oleh kesemua pemegang saham melalui Mesyuarat Agung Luar Biasa.

Berhubung dengan langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan, ingin dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Panel Ambilalih (Takeover Panel) telah pun dilantik di bawah Akta Syarikat 1965, bagi menjaga kepentingan pemegang-pemegang saham kecil. Peruntukan-peruntukan juga terdapat di dalam Garispanduan-garispanduan Jawatan-kuasa Terbitan Modal (CIC) bagi melindungi kepentingan orang ramai dan pelabur-pelabur. Jika

pertelingkahan dan perebutan kuasa membawa perubahan kepada kawalan kuasa atau menyebabkan sesuatu pihak mengawal 33% atau lebih saham sesebuah syarikat, maka hal tersebut adalah termasuk di bawah bidang kuasa Panel Ambilalih.

### LEMBAGA LETRIK SABAH— AMBILALIH

12. Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sejak Lembaga Letrik Sabah (LLS) diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan:

- (a) sejauh manakah kedudukan kewangan Lembaga Letrik Sabah di segi perolehan hasil dari pembekalan tenaga letrik;
- (b) adakah kadar tenaga (Electricity Tariff) yang dikenakan kepada para penggunaan lebih rendah atau tinggi dan dari negeri-negeri lain di negara ini;
- (c) berapa ramaikah pegawai-pegawai Bumiputera dari Sabah yang menduduki jawatan Division satu dalam

Tahun	Hasil
1984 .. .. .	174,278,000
1985 .. .. .	206,123,000

- (b) Kadar tarif elektrik yang dikenakan ke atas para pengguna di Sabah adalah lebih tinggi berbanding dengan kadar di Semenanjung Maiaysia tetapi lebih rendah berbanding dengan kadar di Sarawak iaitu:

Tempat	Harga penjualan purata stunu tenaga elekmk
Semenanjung Malaysia	19 30sen
Sabah	27 00 sen
Sarawak	30 00

perkhidmatan Lembaga Letrik Sabah; dan

- (d) apakah rancangan di segi latihan ke atas meninggikan taraf perkhidmatan Lembaga Letrik Sabah.

### Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Iroke):

- (a) Lembaga Letrik Sabah (LLS) telah dipindahkan menjadi sebuah badan persekutuan di bawah tanggungjawab Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos pada 1hb Januari, 1984. Sejak tahun 1974 lagi LLS telah mengalami kerugian di dalam pengurusannya akibat dari krisis harga minyak dunia. Ini memandangkan bahawa sistem penjanaaan LLS pada ketika itu bergantung sepenuhnya ke atas minyak bahanapi (fuel oil). Jumlah kerugian ini sehingga tahun 1983 ialah sebanyak \$157.64 juta. Namun demikian, dengan terlancarnya stesyen hidro Tenom Pangi pada awal 1984, kerugian yang ditanggung oleh LLS telah mula berkurangan dan beransur baik iaitu:

#### Perbelanjaan (termasuk perbelanjaan Kewangan)      Untung/(Rugi)

1984	175,188,000	( 910,000)
1985	201,339,000	4,784,000

- (c) Jumlah pegawai Kumpulan A di Lembaga Letrik Sabah ialah 94 orang. Jumlah pegawai-pegawai pribumi dari Sabah dalam kumpulan ini ialah 42 orang, mengandungi 29 orang Jurutera, 13 orang pegawai Pentadbir dan 1 (seorang) Akauntan. Peratus pegawai pribumi dalam Kumpulan A ialah 44.68%.

- (d) Beberapa rancangan latihan ke arah meninggikan taraf

perkhidmatan Lembaga Letrik Sabah telah diatur. Ianya berupa mengeluarkan biasiswa untuk pengajian akademik, menghantar pegawai-pegawai mengikuti kursus-kursus dan menghadiri seminar/persidangan.

Lembaga Letrik Sabah telah menghantar penuntut-penuntut untuk mendapatkan ijazah dan diploma di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan dan luar negeri dalam bidang kejuruteraan, perakaunan dan pengurusan perniagaan. Jumlah yang telah diberi biasiswa ini ialah 73 orang Pribumi dan 20 orang bukan Pribumi. Lembaga Letrik Sabah telah juga menghantar sejak 3 tahun yang lalu penuntut-penuntut ke Politeknik untuk menjadi Juruteknik (Group C) jumlah yang telah dihantar ialah seramai 93 orang mengandungi 73 orang Pribumi dan 20 orang bukan Pribumi.

Bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan, Lembaga Letrik Sabah telah menghantar beberapa pegawainya ke pusat-pusat latihan dalam negeri seperti Pusat Latihan Lembaga Letrik Negara (ILSAS), Pusat Latihan Negeri (SINAR) Pusat Daya Pengeluaran Negara (NPC), INTAN dan lain-lain termasuk sekolah latihannya sendiri.

Lembaga Letrik Sabah juga mengambil bahagian dari masa ke semasa dalam beberapa persidangan, bengkel, simposium dan konvensyen di dalam dan di luar negeri dari masa ke semasa.

## **BUIH TIMAH—URUSNIAGA**

**13. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Perusahaan Utama memandangkan penanguhan perniagaan di LME semenjak bulan Oktober, 1985, dan memandangkan ITC yang masih belum mengambil keputusan untuk mengatasi masalah ini, adakah Kerajaan berjaya

dalam usahanya mencari pembeli bijih timah dalam empat bulan yang lepas dan seterusnya pada tahun 1986, jika berjaya, nyatakan negara-negara tersebut dan nilai penjualan. Jika tidak, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menstabilkan bijih timah kita.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob);** Di sepanjang tempoh pergantungan perniagaan timah di London Metal Exchange (LME) dan Pasaran Timah Kuala Lumpur (KLTM), urusniaga timah masih berterusan di antara pembeli-pembeli dan penjual-penjual berdasarkan harga yang dipersetujui secara bersama di antara kedua-dua belah pihak. Dalam jangka masa 3 bulan iaitu November, 1985 hingga Januari, 1986, sebanyak 8,189 tonne bernilai \$173 telah dijual. Jualan dengan kadar 2,700 tonne sebulan ini menunjukkan jualan timah tidak terjejas semata-mata akibat penutupan LMF dan KLTM.

Walaupun timah Malaysia mempunyai pasaran, namun perusahaan timah Malaysia hendaklah bersiap sedia untuk menghadapi apa jua kemungkinan, khususnya memandangkan yang usaha-usaha penyelamat Majlis Timah Antarabangsa (ITC) telah gagal. Kejatuhan pasaran timah tidak dapat dielakkan. Sebagai membantu perusahaan timah dalam tempoh kemelesetan ini, pihak Kerajaan telah menubuhkan suatu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Kementerian Perusahaan Utama untuk menimbang dan memperakukan langkah-langkah luar jangka yang boleh diambil bagi membantu perusahaan timah menghadapi masalah pasaran. Di antara langkah-langkah yang telah dipertimbangkan ialah mendapatkan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam melanjutkan tempoh pajakan lombong, menggalakkan aktiviti

pertanian di atas tanah-tanah perlombongan khususnya berhubung dengan tanaman-tanaman kontan, memesatkan aktiviti pembinaan terutamanya pembinaan rumah kos rendah dan pembinaan lebuh raya, bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada para pekerja lombong yang diberhentikan kerja akibat penutupan lombong. Langkah-langkah ini juga telah dipertimbangkan dan sebahagian daripadanya telah diperakukan oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai Kemelesetan Ekonomi Negara. Walaupun Jawatankuasa Kabinet ini ditubuhkan untuk menimbang langkah-langkah secara menyeluruh, namun perusahaan timah telah juga diberi perhatian sewajarnya. Dalam menghadapi masalah negara ini, kerjasama yang erat di antara kedua-duanya, Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri sangatlah diperlukan.

#### KEMALANGAN JALAN RAYA

**15. Dato' Michael Chen Wing Sum** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan kemalangan jalan raya (kedua-dua yang mengakibatkan kematian dan tidak mengakibatkan kematian) tiap-tiap tahun sejak 1980 sampai kini dan juga mengatakan sama ada bilangan itu telah menunjukkan bertambahnya kemalangan jalan raya dan apakah langkah akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kemalangan itu.

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Bilangan kemalangan jalan raya yang telah dilaporkan kepada pihak polis dari tahun 1980 hingga kini adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kemalangan	Bilangan Ktamanan
1980	59,084	2,568
1981	58,768	2,500
1982	68,330	2,976
1983	72,634	3,260
1984	73,727	3,344
1985	75,300	3,304

Dari angka-angka ini nyatalah bahawa jumlah kemalangan jatan raya telah bertambah tiap-tiap tahun. Meskipun kadar peratusan tambahan itu tidak besar, Kerajaan sangat memandang berat tentang bilangan kemalangan jalan raya yang kian meningkat itu. Sebagai langkah untuk mengurangkan bilangan kemalangan itu beberapa langkah telah diambil seperti:

- (i) Menkuatkuasakan kegunaan Alat Amaran Had Laju (Speed Warning Device) bagi semua kenderaan perdagangan dan bas-bas ekspres dan persiaran yang berat dengan muatannya 4,500 kg ke atas. Peraturan ini telah diperkenalkan pada 1hb Januari yang baru lalu.
- (ii) Memperkuatkan penguatkuasaan oleh agensi-agensi penguatkuasaan bagi memastikan segala peraturan lalulintas dipatuhi dari masa ke semasa.
- (iii) Memperkenalkan satu langkah di mana pegawai-pegawai Kerajaan dalam Kumpulan "A", Ahli-ahli Yang Berhormat, dan Ahli-ahli Majlis Keselamatan Jalan Raya boleh melaporkan kepada pihak JPJ ataupun Polis berkenaan pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan-kesalahan lalulintas.
- (iv) Melaksanakan Sistem Keselamatan Jalan Raya (KEJARA) pada 14hb April, 1984 yang berobjektif untuk mendisiplinkan pemandu supaya lebih bertanggungjawab dan bertimbang rasa semasa memandu.
- (v) Meningkatkan lagi kempen-kempen Keselamatan Jalan Raya melalui ceramah, dailog, seminar dan tayangan gambar untuk memberi lebih kesedaran kepada orang ramai.

### KEPERLUAN ASAS DILUAR BANDAR

**16. Tuan Yahya bin Haji Zakaria** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan rancangan memperluaskan keperluan asas seperti Jalan, Air dan Bekalan Elektrik di luar-luar bandar di seluruh negara dalam RML.

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** Di bawah Rancangan Malaysia Kelima (RML) ini, Kementerian saya akan terus berusaha untuk melaksanakan berbagai kemudahan asas di kawasan luar bandar. Di bawah Program Jalan Luar Bandar sebanyak \$633.9 juta telah diperuntukkan dan bagi Program Menaikkan Taraf Jalan-jalan Kampung pula, sebanyak \$377.9 juta diperuntukkan.

Bagi Program Bekalan Air Luar Bandar pula, beberapa projek yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat akan disiapkan. Di samping itu, sebanyak 174 buah projek bekalan air lagi akan dilaksanakan di seluruh kawasan luar bandar yang dijangkakan akan memberi faedah kepada kira-kira 2,000,000 pengguna baru. Bagi tujuan ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$1,430 juta di bawah RML dan dianggarkan 73% daripada penduduk luar bandar akan dapat menikmati bekalan air bersih di akhir tahun 1990 nanti.

Bagi Program Bekalan Elektrik Luar Bandar pula, sebanyak \$469.2 juta telah diperuntukkan di bawah RML. Dengan terlaksananya projek-projek ini nanti telah dianggarkan seramai 1,547,000 pengguna di seluruh kawasan luar bandar akan menikmati bekalan elektrik di akhir tahun 1990, iaitu kira-kira 76.6% daripada keseluruhan penduduk luar bandar.

### AKED DIPEKAN LENGGONG

**17. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Pembangunan

Negara dan Luar Bandar menjelaskan, benarkah pihak MARA telah bersetuju untuk mendirikan pintu kedai di pekan Lenggong sejak beberapa tahun yang lalu. Jika benar mengapakah sehingga hari ini bangunan yang dimaksudkan itu belum lagi didirikan dan bilakah projek ini akan dilaksanakan.

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** Dalam Rancangan Malaysia Keempat, MARA telah mencadangkan untuk membina sebuah aked di pekan Lenggong tetapi disebabkan masalah peruntukan dan masalah teknikal yang lain cadangan itu telah ditunda untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Adalah dijangkakan pembinaan projek ini akan dimulakan pada tahun 1987.

### KERETAPI TANAH MELAYU— HUTANG KEPADA KERAJAAN

**18. Tuan Omar bin Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah hutang Keretapi Tanah Melayu kepada Kerajaan Pusat. Adakah Kerajaan bercadang untuk tidak lagi memberikan pinjaman sebaliknya menggantikan dengan "grant". Adakah benar pihak Keretapi Tanah Melayu tidak mungkin dapat berdikari hasil dari usaha perniagaannya sendiri.

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Jumlah hutang Keretapi Tanah Melayu kepada Kerajaan sehingga pada 31-12-85, adalah sebanyak \$91.920 juta, iaitu dari jumlah pinjaman yang telah diterima dari Kerajaan dari tahun sebelum 1971 sehingga tarikh tersebut sebanyak \$779.342 juta.

Sepanjang yang diketahui pihak Kerajaan belum lagi membuat sebarang keputusan untuk mengganti pinjaman dengan "grant". Walau bagaimanapun satu Pasukan Petugas telah ditubuhkan baru-baru ini oleh Kementerian Pengangkutan atas

arahan Perbendaharaan Malaysia untuk mengkaji dengan mendalam aktiviti-aktiviti KTM keseluruhannya supaya di akhir tempoh kajian satu laporan lengkap dapat dikemukakan kepada Kerajaan memberi cadangan-cadangan bagaimana masalah kewangan KTM dalam masa jangka panjang dapat diselesaikan.

Dalam tahun-tahun yang lepas (kecuali tahun 1976 dan 1979) KTM telah tidak dapat berdikari hasil dari usaha perniagaannya sendiri. Besar kemungkinan berdasarkan keadaan sekarang KTM tidak akan dapat berdikari walaupun dalam jangka masa lima tahun akan datang. Walau bagaimanapun Pasukan Petugas yang disebut di atas akan mengkaji perkara ini dengan lebih teliti lagi.

#### **DATUK HAJI YAHYA LAMPONG— SENJATAPI**

**19. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan polis yang dijalankan di dalam insiden penembakan yang dikatakan telah dilakukan oleh Ahli Parlimen Kota Belud yang didakwa telah menembak mangga sebuah pintu berkunci di sebuah kampung di Tempasuk, Sabah, dalam bulan April, 1985; apakah tindakan yang akan diambil dalam kes ini.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Hasil siasatan yang telah dijalankan oleh pihak polis Sabah telah dimajukan kepada Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara.

Dari fakta kes dan berasaskan kepada situasi di mana Datuk Haji Yahya Lampong berada pada masa itu, Pendakwa Raya berpendapat bahawa Datuk Haji Yahya Lampong mempunyai justifikasi menggunakan senjatanya sedemikian. Oleh sebab itu Pendakwa Raya telah memutuskan adalah tidak wajar Datuk Haji Yahya Lampong didakwa di dalam mahkamah.

#### **PEKERJA SEMENANJUNG DI SARAWAK**

**20. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Buruh menyatakan berapakah jumlah penduduk dari Semenanjung Malaysia sedang bekerja di negeri Sarawak secara rasmi atau tidak rasmi. Pihak Kerajaan adakah diseru untuk mencegah mereka dari bekerja di negeri ini supaya meningkatkan harapan penduduk negeri ini mendapat pekerjaan. Apakah sebab-sebabnya.

**Menteri Buruh (Dato Lee Kim Sai):** Sebenarnya soalan ini adalah berkaitan dengan urusan dan tugas-tugas di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak. Namun demikian, adalah difahamkan setakat ini seramai 1,172 orang penduduk dari Semenanjung Malaysia sedang bekerja secara rasmi di Sarawak sebagai pemegang Pas Penggajian/Pas Lawatan (Kerja Sementara) dan 305 pekerja dari Semenanjung Malaysia yang tertakluk dalam takrif "worker" seperti terkandung dalam seksyen 2 Ordinan Buruh Bab 76 Undang-undang Sarawak.

Pihak Berkuasa yang terlibat iaitu Jabatan Imijeresen Negeri, Sarawak dan Jabatan Buruh, Sarawak hanya membenarkan mereka bekerja di negeri Sarawak setelah Jabatan tersebut berpuas hati bahawa tidak terdapat anak-anak tempatan yang berkelayakan dan berpengalaman dalam bidang-bidang tertentu.

#### **RAPAT UMUM—PENGHARAMAN**

**21. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan disebabkan rapat umum telah diharamkan di negara ini mengapa pihak polis membenarkan Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO menganjur dan berucap di rapat-rapat umum haram di negara ini sejak bulan lepas dan bukan ini memperlihatkan

pihak polis mengamalkan "double standards" dalam pelaksanaan undang-undang.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Soalan ini telah pun saya jawab bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 31hb Mac, 1986. Saya tidak bercadang untuk membuat sebarang tambahan.

### KANAK-KANAK CINA MEMELUK AGAMA ISLAM

**22. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar terdapat anasir-anasir yang tidak diinginkan yang mencipta rasa tidak puas hati di kalangan rakyat Malaysia keturunan Cina dengan mendapatkan kanak-kanak Cina memeluk agama Islam tanpa persetujuan ibubapa kanak-kanak tersebut sehingga menculik kanak-kanak tersebut daripada ibubapa mereka.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan pihak polis menunjukkan bahawa mereka yang telah memeluk agama Islam adalah dengan kerelaan hati masing-masing tanpa paksaan atau hasutan manamana pihak. Mengenai dakwaan kanak-kanak tersebut diculik dari ibubapa mereka, sukalah saya menegaskan bahawa dakwaan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar kerana tiada sebarang bukti dan keterangan yang menunjukkan berlakunya perkara tersebut.

### KWSP—PELABURAN PEMBELIAN SAHAM

**23. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah amaun wang yang dilaburkan oleh KWSP dalam (i) saham "blue chips" dan (ii) saham-saham bersifat spekulatif dalam masa lapan bulan ini, kerugian yang dialami dalam setiap pelaburan saham

seumpama itu pada akhir tempoh lapan bulan ini, dari nyatakan peraturan-peraturan yang sedia ada untuk mencegah KWSP daripada menggunakan wang pekerja untuk menyertai dalam spekulasi dalam pasaran saham.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWSP biasanya tidak melabur dalam saham-saham spekulatif. Memandangkan kepada keadaan ini, adalah sukar untuk memberikan maklumat-maklumat seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat.

Sejak 8 bulan kebelakangan ini, iaitu mulai bulan Julai, 1985 hingga Februari, 1986, jumlah pelaburan dalam bentuk pembelian saham yang dibuat oleh KWSP ialah \$59.153 juta atau 1.9% daripada jumlah keseluruhan pelaburan sebanyak \$3.019 ribu juta untuk jangkamasa tersebut. Kerugian sebenar pada hakikatnya tidak dialami oleh KWSP kerana tiada saham yang dijual balik dalam jangkamasa tersebut. Walau bagaimanapun akibat dari kejatuhan nilai saham, "paper loss" atau pelaburan saham bagi tempoh tersebut ialah \$4.11 juta, iaitu berasaskan kepada harga pada akhir bulan Februari, 1986.

Pengurusan pelaburan KWSP adalah diawasi oleh satu Panel Pelaburan yang memainkan peranan sebagai badan penasihat kepada Lembaga KWSP. Kegiatan-kegiatan pelaburan KWSP adalah dijalankan mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Seksyen 4 (2) (ii) Akta KWSP 1951. Mengikut peruntukan tersebut, KWSP adalah dikehendaki melabur sekurang-kurangnya 70% daripada kurnpulan wangnya dalam Surat-surat Jaminan Kerajaan, dan bakinya boleh dilabur dalam berbagai-bagai jenis pelaburan lain seperti simpanan-simpanan tetap, ekuiti, "Negotiable Certificate of the Deposits" dan "Time



Deposits". Oleh kerana KWSP adalah sebuah badan Amanah, maka pelaburannya dalam bentuk ekuiti adalah juga terhad kepada stok amanah (trustee stock).

### VENTURE CAPITAL FINANCING

**24. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Kewangan menyatakan setakat manakah "Venture Capital Financing" memainkan peranan positif dalam membangun semula ekonomi. Nyatakan jumlah wang tersebut yang telah dibelanjakan dalam tahun 1984 dan 1985 dan juga nama syarikat dan jenis perusahaan yang terlibat.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, "Venture Capital" adalah suatu perkara baru di Malaysia. Daripada kaji selidik ke atas institusi-institusi Kewangan di bawah pengawasan Bank Negara Malaysia, terdapat hanya sebuah syarikat "Venture Capital" di negara ini, iaitu Malaysian Ventures Berhad. Syarikat ini telah ditubuhkan pada bulan Mac, 1984.

Sejak penubuhannya, Malaysian Ventures telah memberikan pembiayaan berjumlah lebih kurang \$1.3 juta melalui penyertaan modal di datam usaha-usaha berikut:

- (i) sebuah syarikat yang terlibat di dalam pembuatan "Activated Clay", "White Clay" dan barangan yang berkaitan atau seumpamanya;
- (ii) sebuah syarikat yang terlibat dalam penyediaan perkhidmatan pembersihan air, penyaluran najis dan kotoran;
- (iii) sebuah syarikat yang terlibat di dalam pemasaran dan pengagihan mikro-komputer dan alat-alat sampingan komputer.

### PERUNTUKAN PROJEK KECIL AHLI PARLIMEN

**25. Tuan Chan Kok Kit** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada peruntukan sebanyak \$200,000 untuk tahun ini kepada Ahli-ahli Parlimen hanya dikhaskan kepada Ahli-ahli Barisan sahaja ataupun diperuntukkan kepada semua Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat untuk digunakan untuk melaksanakan projek-projek kecil di kawasan masing-masing.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Kerajaan tidak memberi sebarang peruntukan kepada mana-mana Ahli Parlimen untuk melaksanakan projek-projek kecil di kawasan pilihanraya mereka. Wang yang diberi melalui peruntukan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah untuk semua kawasan pilihanraya tidak kira sama ada sesuatu kawasan itu diwakili oleh ahli dari Barisan Nasional ataupun dari pihak pembangkang.

Peruntukan ini diawasi oleh Pegawai Kemajuan Negeri yang berkenaan atau pihak Kementerian Wilayah Persekutuan bagi kawasan di bawah pentadbirannya. Semua Ahli Parlimen bolehlah mencadangkan kepada pihak-pihak tersebut apa-apa projek yang hendak dilaksanakan bagi pertimbangan sewajarnya.

### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (HAKMILIK PULAU PINANG DAN MELAKA) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.**

*3.37ptg.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Dusuki bin Haji**

**Ahmad);** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa pindaan penting telah dibuat kepada Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 pada tahun 1984 dalam Akta A.597 berhubung dengan pemilikan Tanah Adat Melaka. Dalam melaksanakan pindaan-pindaan tersebut, Kerajaan Negeri Melaka telah menemui beberapa masalah yang difikirkan boleh menyekat pertumbuhan dan pembangunan Tanah Adat Melaka dan ekonomi orang Melayu Melaka khususnya.

Takrif istilah "Melayu" telah dipinda dalam Akta A.597 kepada orang Melayu yang dilahirkan di Melaka atau adalah anak kepada orang Melayu yang dilahirkan di Melaka. Takrif tersebut didapati sangat ketat dan terhad dan akibatnya banyak projek-projek perumahan, perniagaan dan perindustrian yang dilaksanakan atas Tanah Adat Melaka telah tidak dapat dijual oleh kerana terhadnya pembeli yang layak mengikut takrif Melayu Melaka. Ini telah menjejaskan usaha-usaha membangunkan Tanah Adat Melaka.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, sekatan-sekatan kepentingan ke atas Tanah-tanah Adat Melaka telah diperluaskan untuk meliputi penggadaian, pewujudan lien, pendaftaran kaveat, pewujudan-amanah dan perletakan hak menurut probet dan surat mentadbir pesaka kepada orang-orang bukan Melayu. Walau bagaimanapun, sekatan-sekatan ini masih belum dapat menjamin bahawa Tanah-tanah Adat Melaka tidak akan terlepas kepada orang-orang bukan Melayu.

Memandangkan bahawa kelemahan-kelemahan masih wujud dalam Undang-undang Tanah Adat itu, maka adalah difikirkan wajar bagi sekatan-sekatan kepentingan yang sedia ada disemak semula dan diperketatkan lagi bagi memastikan Tanah Adat Melaka kekal dimiliki oleh orang-orang Melayu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menghuraikan secara ringkas peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang (Pindaan) yang dikemukakan ini. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka (Pindaan) 1985 ini mengandungi 11 Fasal sahaja.

Fasal 1 adalah mengandungi tajuk ringkas bagi Akta Pindaan ini. Fasal 2 bertujuan meminda takrif "tanah adat" bagi meliputi tanah-tanah milik yang telah diendorse sebagai tanah adat Melaka dan tanah yang telah diberi milik semula atau dilupuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri selepas ianya dilucut hak, dengan izin, forfeited, atau diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Pindaan ini akan membolehkan jumlah tanah adat Melaka yang ada sekarang diperluaskan lagi dan ini akan menjamin pemilikan tanah adat oleh orang-orang Melayu sahaja di masa hadapan.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, takrif Melayu yang begitu ketat dilonggarkan bagi tujuan mempercepatkan pembangunan Tanah Adat Melaka. Untuk tanah jenis bangunan dan industri dicadangkan supaya takrif "Melayu" juga meliputi orang-orang Melayu yang tidak dilahirkan di negeri Melaka. Dengan pindaan kepada takrif tersebut, tanah-tanah adat yang dimajukan untuk kawasan perumahan, perniagaan dan perindustrian akan dapat dipasarkan kepada orang-orang Melayu negara ini

dan ini akan membolehkan pembangunan tanah adat Melaka dipertingkatkan lagi di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan membolehkan syarikat yang dipunyai sepenuhnya oleh orang-orang Melayu untuk memiliki dan mengurusniagakan tanah adat Melaka, suatu takrif baru diperkenalkan iaitu Syarikat Tanah Adat Melaka atau, dengan izin, Malacca Customary Land Company selain daripada syarat bahawa syarikat itu hanya dimiliki oleh orang-orang Melayu sahaja, Artikel-artike! Pertubuhan, dengan izin, Articles of Association, hendaklah melarang pindah milik saham-saham kepada orang-orang yang bukan Melayu dan hendaklah juga menyatakan bahawa salah satu objek syarikat itu adalah untuk mengurusniagakan tanah adat Melaka. Dalam hubungan ini, syarikat yang dipunyai oleh orang Melayu Melaka boleh mengurusniagakan semua jenis tanah adat, manakala syarikat yang dipunyai oleh orang-orang Melayu yang bukan Melayu Melaka boleh mengurusniagakan hanya tanah jenis bangunan dan industri sahaja.

Fasal 3 pula bertujuan untuk meminda gelaran jawatan "Pemungut" kepada "Pentadbir Tanah" sesuai dengan pindaan yang telah dibuat dalam Kanun Tanah Negara. Perkataan "Pemungut" digantikan dengan perkataan-perkataan "Pentadbir Tanah" di mana-mana kedapatan dalam Bahagian VIII Akta tersebut.

Fasal 4 meminda Seksyen 108 (1) (c) bagi membolehkan Kaveat Pendaftar dimasukkan untuk menjaga kepentingan Kerajaan dan juga untuk mencegah sebarang urusniaga yang tidak teratur sekiranya berlaku apa-apa kesilapan dalam dokumen hakmilik bagi tanah adat Melaka. Di samping itu ditambahkan peruntukan baru seksyen 108 (1) (f) mengenai satu lagi sekatan kepentingan terhadap

tanah adat iaitu surat perwakilan kuasa atau, dengan izin, power of attorney, tidak dibenar diberikan kepada orang yang bukan Melayu.

Pindaan juga dibuat kepada seksyen 108 (2) dengan tujuan mengasingkan pemegangan gadaian tanah adat Melaka dan penerimaan pindah milik tanah adat Melaka. Orang-orang atau badan-badan yang layak memegang gadaian tanah adat Melaka disenaraikan dalam Jadual Keenam dan orang-orang atau badan-badan yang layak diberi milik tanah adat ataupun menerima pihak milik tanah adat adalah seperti disenaraikan dalam Jadual Ketujuh. Pindaan kepada seksyen 108 (6) memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk meminda Jadual-jadual Keenam dan Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen-seksyen baru 108A, 108B, 108c dan 108d. Peruntukan-peruntukan baru ini menggariskan langkah-langkah perlucutan hak atau, dengan izin, "forfeiture" terhadap tanah adat yang dimiliki oleh, digadaikan atau dipajak kepada sebuah syarikat yang tidak layak lagi menjadi syarikat tanah adat Melaka kerana ianya adaiah melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dalam takrif yang berkenaan.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 109 dengan menggantikan sub-seksyen (2) dengan peruntukan baru mengenai pengendorsan kemasukan semula atau, dengan izin, re-entry, tanah adat oleh Pihak Berkuasa Negeri. Catatan tersebut akan dibuat dalam dokumen hakmilik daftar yang berkenaan. Sub-seksyen (3) dan (4) dipotong kerana peruntukan yang mana telah dimasukkan dalam seksyen 108 (2) dan (6).

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 7 bertujuan memperuntukkan bahawa selepas catatan tanah adat Melaka dibuat atas kedua-dua dokumen

hakmilik daftar dan dokumen hakmilik ketuaran tanah yang berkenaan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam Bahagian VIII Akta itu.

Fasal 8 pula bertujuan untuk memasukkan seksyen-seksyen baru 109B dan 109c. Seksyen 109B memperuntukkan bahawa mana-mana tanah adat yang kembali kepada Pihak Berkuasa Negeri atas sebab perlucutan hak atau, dengan izin, "forfeiture" akibat kemasukan semula kerana melanggar peruntukan-peruntukan dalam Bahagian VIII tidak boleh diberi milik semula atau dilupuskan kepada orang bukan Melayu atau mana-mana orang atau badan yang tidak termasuk dalam Jadual Ketujuh.

Seksyen 109B Juga memperuntukkan bahawa sekiranya tanah-tanah ini diberi milik semula, ianya hendaklah diberi milik untuk selama-tamanya dan hakmilik tanah tersebut hendaklah didaftarkan dalam Daftar Tanah Adat Melaka.

Seksyen 109c pula memperuntukkan bahawa sekiranya mana-mana tanah adat yang diserahkan kembali kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara, tanah itu hendaklah kembali dan diletakkan kepada Pihak Berkuasa Negeri sebagai tanah Kerajaan. Peruntukan dalam Seksyen 109e hendaklah terpakai kepada tanah adat yang diserahkan balik kepada Pihak Berkuasa Negeri. Secara ringkas peruntukan-peruntukan baru dalam seksyen 109a dan 109c bertujuan untuk mengekalkan status tanah adat Melaka yang dilucut hak atau diserahkan balik kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal-fasal 9, D dan 11 merupakan pindaan-pindaan susulan yang perlu dibuat,

Fasal 9 bertujuan menambahkan tiga borang iaitu borang "M", "N" dan "O" bagi memberi kesan kepada peruntukan-peruntukan berhubung

perlucutan-perlucutan hak dalam seksyen-seksyen baru 108e, 108c dan 108D

Fasal 10 pula bertujuan meminda Jadual Keenam dengan menyenaraikan orang-orang atau badan-badan yang boleh memegang gadaian tanah adat Melaka, manakala Fasal II meminda Jadual Ketujuh dengan menyenaraikan orang-orang atau badan-badan yang boleh menerima pindah milik tanah adat atau diberi milik tanah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, atas asas-asas pertimbangan yang telah saya kemukakan itu, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbaian Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

3.48 *ptg.*

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bukan orang Melaka, tetapi saya begitu berminat untuk membincangkan masalah Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 ini.

Sebenarnya Undang-undang yang dibentangkan ini adalah amat baik sekali kerana ianya boleh menjaga kepentingan-kepentingan orang-orang miskin. Kepentingan orang miskin daripada tanah ini tergadai kepada orang-orang yang kaya kerana sebagaimana yang kita tahu apabila tanah-tanah adat ini kebanyakannya

adalah dimiliki oleh orang-orang miskin dan orang-orang kampung. Jadi dengan adanya sekatan ini maka ianya akan boleh menjaga daripada tanah-tanah adat Melaka ini kekal di dalam tangan orang miskin dan orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, sekatan yang diberi ini kalau sekali imbas agak ketat sepertimana tanah-tanah yang belum lagi terlepas, belum lagi terjual ini dimasukkan kepada kaveat Pendaftar atau, dengan izin, Registrar's caveat. Dengan kemasukan ini mungkin Pihak Berkuasa Negeri menganggapkan bahawa ini adalah satu sekatan yang paling kuat bagi menjagakan tanah ini. Sebenarnya dengan memasukkan kaveat Pendaftar ini maka Pendaftar sahaja yang boleh menarik balik kaveat ini.

Di sini pada lahirnya nampak ketat tetapi pada hakikatnya tidak seketat yang kita sangka kerana ini adalah tidak merupakan satu peraturan yang boleh menjaga hak tanah orang-orang Melayu atau tanah adat Melaka. Mengapa ianya tidak dijadikan satu peraturan yang lebih ketat bahawa tanah ini tidak boleh dijalankan sebarang urusan dengan pihak-pihak yang tidak diluluskan oleh pihak Kerajaan. Kalau hanya hendak dimasukkan kaveat Pendaftar ini, ia hanya merupakan satu sekatan sementara pada bila-bila masa pihak Pendaftar dengan budibicara Pendaftar Tanah boleh melepaskan tanah ini daripada kaveat. Apabila tanah ini dilepaskan daripada kaveat maka sudah tentu tanah ini boleh diurusniagakan.

Jadi, ini nampak pada lahirnya adalah ketat tetapi pada hakikatnya tidak seketat tanah-tanah hakmilik Melayu yang sebenarnya di dalam negeri-negeri lain. Jadi, sepatutnya kaveat Pendaftar ini digunakan bagi keadaan-keadaan tertentu bagi menyelesaikan masalah sementara di atas tanah itu. Tetapi kalau sekiranya

kita meletakkan satu peraturan yang lebih ketat bahawa tanah ini tidak boleh diurusniagakan melainkan dengan kelulusan Exco Kerajaan Negeri—bagi sesebuah negeri kelulusan Exco adalah lebih ketat—bukan dengan kelulusan Pendaftar sahaja. Kalau dimasukkan kaveat Pendaftar, hanya kelulusan Pendaftar sahaja atau Pegawai Pentadbir Tanah dikehendaki. Tetapi kalau dimasukkan satu peraturan—saya tidak tahu dari seksyen mana undang-undang tanah di sini tetapi kalau ini mengenai tanah di Kelantan, dia kata di bawah seksyen 13A ini mesti diluluskan oleh Exco Kerajaan Negeri. Apabila diluluskan oleh Exco Kerajaan Negeri baharulah tanah itu dapat diurusniagakan mengikut kehendak tuannya tanah itu atau mengikut peraturan yang ada.

Selain daripada itu sebagaimana yang kita tahu bahawa dengan undang-undang ini juga mungkin sedikit sebanyak akan memberi nilai kepada tanah ini supaya agensi-agensi yang sama boleh membangunkan tanah ini. Ini boleh menaikkan nilai tanah ini kerana di mana-mana sekalipun tanah yang mempunyai sekatan hakmilik seperti ini sudah tentulah nilainya tidak setinggi dengan tanah yang bebas hakmiliknya. Dengan pindaan undang-undang ini ianya akan memberi nilai yang baru atau nilai yang tinggi kepada tanah ini.

Kita kena ingat tuannya tanah ini adalah orang-orang miskin sebagaimana saya sebutkan tadi—orang-orang miskin, orang-orang Melayu. Apabila kita sebut begitu maka satu masa tanah ini juga akan dijual dan dijualnya dengan harga dan nilai yang rendah. Jadi, saya minta kepada pihak-berkenaan sebagaimana yang disebutkan tadi memberi senarai agensi-agensi yang boleh memiliki tanah ini supaya tanah-tanah seperti ini dinaikkan nilainya dan dibelikan dengan nilai yang tinggi oleh agensi-agensi termasuk SEDC dan juga agensi-agensi yang boleh membeli

tanah adat Melaka ini. Kerana kalau pasaran yang rendah maka agensi Kerajaan beli pun rendah juga dan apabila membuat bangunan dijual bangunan itu dengan harga yang mahal; dan tanah itu kalau dibelikan kadang-kadang dengan harga yang murah, dinilai dengan bangunan yang siap dengan harga yang tinggi.

Jadi, untuk menolong orang-orang miskin sepertimana yang saya sebutkan tadi kerana tanah-tanah hak adat Melaka ini kebanyakannya dipunyai oleh orang miskin, agensi-agensi ini mesti memberi nilai yang sepatutnya kepada tanah-tanah seperti ini. Tanah yang mempunyai sekatan ini sudah tentulah tentang nilainya tidak begitu tinggi tetapi adalah tanggungjawab Kerajaan dan tanggungjawab agensi-agensi Kerajaan ini supaya tidak akan mengeksploitasikan keadaan ini membeli tanah dengan harga yang murah dan harga yang tidak sepatutnya.

Selain daripada itu kita dapati juga bahawa banyak di antara tanah-tanah adat Melayu Melaka ini telah hilang. Apabila tanah-tanah ini hilang ataupun sebagaimana kata tadi ia tidak akan lupus daripada hakmilik asalnya kerana kesalahan yang dilakukan oleh sekatan kepentingan yang ada itu tetapi sebaliknya tanah yang telah dijual kepada pihak tertentu sebelum daripada tibanya undang-undang ini, tanah tni telah dibangunkan dan telah dibuat berbagai-bagai pembangunan sudah tentulah, kalau tidak melucutkan hakmilik itu, akan menimbulkan implikasi yang buruk kepada orang yang memiliki asalnya tanah itu. Bukan saya minta supaya tanah itu dilepaskan tetapi kemungkinan menimbulkan ketidakadilan oleh kerana pada masa itu membolehkan tanah ini dijual kepada orang yang tidak mengikut sekatan yang ada di dalam peraturan ini. Jadi, kalau sekiranya ini berlaku maka sepatutnya tanah-tanah adat Melaka ini ditambah ataupun

digantikan dengan tanah-tanah lain yang sepatutnya boleh menjadikan kadar tanah seperti ini tidak akan berubah ataupun tidak berkurangan dalam sebuah negeri yang kecil seperti Melaka ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sekarang ini zaman pembangunan. Tanah-tanah yang ditimbus atau, dengan izin, reclamation of land dan tanah-tanah yang ditambun di negeri Melaka adalah banyak dan beratus-ratus hektar. Setahu saya mengikut undang-undang tanah apabila tanah ini diambil daripada laut maka tanah-tanah ini akan mempunyai hak bebas dan kepunyaan Kerajaan. Maka apabila hak bebas, maka tanah ini akan boleh diurusniagakan oleh sesiapa sahaja. Untuk menjaga kepentingan orang-orang Melaka dan juga orang-orang Melayu maka tanah-tanah yang direclaim ini atau tanah-tanah yang ditimbus ini juga mesti diberi kadar kawasan-kawasan tertentu yang dimiliki atau tanah itu dijadikan iaitu tanah adat Melaka beberapa kadar tertentu.

Kalau sekiranya, misalnya kita kata 100 hektar ditimbus atau laut itu dijadikan tanah maka sekurang-kurangnya 30% atau 40% tanah itu dijadikan tanah adat Melaka supaya menjaga kepentingan orang-orang Melayu Melaka yang ada di dalam bandar itu yang mereka juga mempunyai hak untuk tinggal di dalam bandar itu; dan juga tanah-tanah itu apabila dijual kepada mereka yang merupakan bangunan dan segalanya tidak bertukar tangan selepas dimitiki oleh mereka.

Maka sekatan-sekatan ini adalah patut diadakan kepada tanah-tanah baru atau tanah-tanah yang ditimbus, seperti tanah-tanah yang ditimbus daripada laut, sebagaimana banyak yang berlaku di negeri Melaka sekarang ini. Jadi, perkara ini patut diambil perhatian supaya ianya tidak akan menjadikan undang-undang yang

ada ini merupakan satu undang-undang yang tidak boleh menjaga kepentingan yang kita kehendaki, lebih-lebih lagi kadar tanah hak adat Melayu ini akan berkurangan kalau tanah-tanah baru yang dijumpai atau ditimbus itu tidak diberi hak sebagaimana yang kita kehendaki bagi menjaga kepentingan orang-orang yang perlu kita jagai.

Dengan ini, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab dan menggulung perbahasan.

4.01 ptg.

**Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang membuat beberapa komentar tentang Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang ini.

Sebenarnya sekatan-sekatan ini dibuat adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan orang miskin dari tergadai kepada orang kaya, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat baru sekejap tadi. Kaveat Pendaftar dimasukkan adalah untuk mencegah sebarang urusniaga yang tidak tertentu sehingga terdapat kesilapan dalam dokumen hakmilik tanah. Tanah adat Melaka hanya boleh diurusniagakan oleh orang Melayu Melaka sahaja bagi tanah jenis pertanian dan bagi tanah-tanah jenis bangunan dan jenis industri, orang Melayu yang bukan daripada Melaka boleh juga mengurusniagakan tanah adat Melaka. Dengan demikian, tanah adat Melaka akan kekal dimiliki oleh orang Melayu sahaja dan tidak akan terlepas kepada orang yang bukan Melayu.

Berhubung dengan memberi nilai tanah, sebarang urusniaga jual-beli tanah adat Melaka adalah bergantung kepada "market force supply and demand" atau dengan kata lain, ia bergantung kepada pasaran harga semasa. Apabila sekatan itu dibuka kepada Melayu, nilai harga sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat baru sekejap tadi ialah ia bergantung kepada pasaran harga semasa dan pada hemat saya sudah tentu masalah penentuan nilai ini akan dijaga sesungguhnya kerana kalau kita lihat senarai badan-badan ataupun orang-orang yang dibolehkan memegang gadaian ataupun pindah milik, maka ternyata dari senarai itu adalah terdiri daripada perbadanan-perbadanan Kerajaan yang sudah tentu mereka ini melihat kepada soal-soal pasaran harga semasa yang berkenaan.

Berhubung dengan tanah-tanah yang ditimbus, sebenarnya kuasa menentukan mana-mana kawasan tanah yang menjadi tanah rezab Melayu itu adalah di bawah kuasa pihak Negeri dan ada peruntukan khas bagi pihak Kerajaan Negeri menentukan mana-mana tanah, sama ada dijadikan rezab Melayu ataupun tidak.

Itu sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 11* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Pendahuluan* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluuskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG  
(PERKAHWINAN DAN  
PERCERAIAN) (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*4.08ptg.*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 1985. dibaca kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 seperti berikut:

(a) untuk membuat peruntukan supaya seseorang yang telah berkahwin mengikut sesuatu undang-undang, agama, adat atau kelaziman yang mana Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ini terpakai kepadanya sekiranya didapati berkahwin semula, sama ada perkahwinan itu dilakukan di Malaysia atau di luar Malaysia, maka ia akan disifatkan telah melakukan kesalahan bigami dan boleh didakwa di bawah seksyen 494 Kanun Keseksaan;

(b) membuat peruntukan supaya seseorang yang telah melakukan kesalahan yang disebut di dalam perenggan (a) tadi telah didakwa di Malaysia, ia tidak boleh lagi diekstradisikan ke negara lain di bawah Akta Ekstradisi 1958 dan Ordinan Fugitif Komanwel 1967 bagi kesalahan itu; dan

(c) membuat peruntukan supaya perkahwinan yang diupacarakan di mana-mana Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi dan di Pejabat Konsul Malaysia di luar negeri adalah dianggap sebagai telah diupacarakan di Malaysia dan sekiranya apa-apa kesalahan dilakukan berkaitan dengan upacara tersebut, maka peruntukan yang dicadangkan dalam perenggan (a) yang tersebut dahulu akan terpakai.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan dengan ringkas kepada Dewan yang mulia ini latar belakang dan asas-asas pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Pada masa ini seseorang yang bukan beragama Islam, yang mana Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 terpakai baginya dan telah berkahwin dengan sahnya di bawah mana-mana undang-undang, agama, adat atau ketaziman pada atau selepas tarikh berkuatkuasanya Akta tersebut iaitu pada 1-3-1982, adalah tidak berkebolehan untuk berkahwin lagi di bawah mana-mana undang-undang agama adat atau kelaziman semasa wujudnya perkahwinan yang terawal itu. Sekiranya ia berkahwin semula maka perkahwinan itu adalah dianggap tidak sah dan ia juga disifatkan telah melakukan satu kesalahan bigami dan boleh didakwa di bawah Seksyen 494 Kanun Keseksaan.

Tafsiran yang sama juga diberikan sekiranya perkahwinan yang



terkemudian itu diupacarakan di luar Malaysia di mana perkahwinan itu dianggap tak sah dan kesalahan bigami telah dilakukan, tetapi mengikut peruntukan-peruntukan yang sedia ada, mahkamah di Malaysia tidak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan bigami berkenaan. Kedudukan ini adalah didapati tidak seimbang dan tidak memberi layanan yang sama di antara perkahwinan yang terkeraudian itu dilakukan di Malaysia dan di luar Malaysia dan dengan memusnahkan tujuan asal Akta tersebut. Oleh kerana itu adalah difikirkan bahawa kedudukan ini perlu diperbaiki supaya sesiapa yang telah berkahwin didapati berkahwin semula, tidak kira sama ada upacara perkahwinan terkemudian itu dilakukan di Malaysia atau di luar Malaysia, maka ia boleh disifatkan telah melakukan kesalahan bigami dan boleh dibicarakan oleh mana-mana mahkamah di Malaysia ini.

Untuk tujuan ini dan untuk mengetatkan lagi undang-undang supaya tidak berlaku perkahwinan semula semasa perkahwinan yang dahulu masih berjalan maka adalah dicadangkan supaya seksyen 5 dan 7 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang melalui Fasal 3 seterusnya membuat peruntukan supaya seseorang yang telah didakwa di dalam mana-mana mahkamah Malaysia di atas kesalahan bigami kerana melakukan perkahwinan semula maka pendakwaannya itu akan menjadi satu halangan bagi ia diekstradisikan ke negara lain di bawah Ordinan Ekstradisi 1958 atau Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967 di atas kesalahan yang sama. Peruntukan ini adalah perlu bagi menentukan yang seseorang itu tidak boleh didakwa dua kali bagi satu kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, telah memperuntukkan bagi membolehkan seseorang warganegara Malaysia melangsungkan perkahwinannya di bawah Akta ini di mana-mana Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi dan Pejabat Konsul Malaysia di luar negen, tetapi adalah didapati peruntukan-peruntukan tidak ada bagi tindakan yang sewajarnya diambil ke atas sesiapa yang telah melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta berkenaan di dalam upacara perkahwinan tersebut.

Dengan pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 26 (3) di dalam Fasal 4, perkahwinan yang diupacarakan di mana-mana Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi dan Pejabat Konsul Malaysia akan disifatkan sebagai satu perkahwinan yang diupacarakan di Malaysia dan sekiranya didapati apa-apa kesalahan dilakukan di dalam upacara tersebut, maka peruntukan seksyen 7 (2) akan terpakai bagi kesalahan ini. Ini bermakna bahawa orang yang melakukan kesalahan itu boleh didakwa di Malaysia dan pendakwaannya itu akan menghalang ianya daripada diekstradisikan ke negara lain di bawah Ordinan Ekstradisi 1958 atau Akta Penjenayah Fugitif Komenwel 1967.

Butir-butir mengenai peruntukan Rang Undang-undang ini boleh didapati di dalam huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Pengangkutan (Dato Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976

dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan dihiluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dari Ketiga**

*4.19 ptg.*

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang untuk meminda Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45) dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan meminda Kanun Keseksaan adalah untuk membuat peruntukan bahawa seseorang yang telah berkahwin kemudiannya berkahwin semula semasa hayat suami atau isteri itu, perkahwinan yang terkemudian itu adalah tidak sah dan ia telah melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman penjara bagi

tempoh sehingga 7 tahun dan boleh didenda dengan tidak mengambil kira sama ada perkahwinan terkemudian itu diupacarkan di Malaysia ataupun di luar Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keizinan, sukacita saya mengemukakan dengan ringkas kepada Dewan yang mulia ini latar-belakang dan asas-asas pindaan yang dikemukakan.

Seksyen 494 Kanun Keseksaan sekarang ini membuat peruntukan di mana seseorang yang mempunyai suami atau isteri yang masih hidup, dan jika ia berkahwin semula, perkahwinan yang terkemudian itu adalah tak sah dan ia boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih daripada 7 tahun dan denda. Sungguhpun peruntukan ini telah ada sediakala, tetapi mahkamah baru-baru ini telah memutuskan sekiranya perkahwinan terkemudian itu dilakukan di luar Malaysia, maka mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan yang dilakukan itu.

Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 telah menyenaraikan perkahwinan yang dianggap tak sah mengikut peruntukan seksyen 5 dan seterusnya seksyen 7 memperuntukkan supaya seseorang yang telah melakukan perkahwinan tak sah ini telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 494 Kanun Keseksaan. Untuk menentukan supaya sesiapa yang melakukan kesalahan tersebut, tidak kira sama ada kesalahan tersebut dilakukan di Malaysia atau di luar Malaysia, dihadapkan ke muka pengadilan, maka seksyen 494 ini dan Akta Membaharui (Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian) 1976 patutlah dipinda. Pindaan kepada Akta tersebut baru sahaja diluluskan di dalam persidangan ini dan pindaan kepada seksyen 494 Kanun Keseksaan adalah dikemukakan sekarang.

Butir-butir mengenai peruntukan Rang Undang-undang ini boteh didapati di dalam huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun (N.M.B. Bab 45) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka umuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

4.23 ptg.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin (Sepang):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini dan pindaan sebelum daripadanya adalah bertujuan untuk menyentuh soal bidangkuasa ataupun jurisdiction supaya perkara-perkara yang berlaku di luar Malaysia boleh dibicarakan dan dihukum di dalam negara Malaysia.

Saya cuma hendak bertanya satu soalan sahaja bahawa di dalam kes BMF kita berhadap dengan suatu keadaan di mana pihak Peguam Negara ataupun Pendakwa Raya telah menyatakan bahawa kita tidak dapat hendak mendakwa, dengan izin, "suspect-suspect" yang berkenaan dengan kes itu oleh kerana kesalahan-kesalahan itu berlaku di luar jurisdiction, di luar daripada bidangkuasa negara kita. Oleh kerana kes BMF ini beigtu besar dan begitu serius, adakah Kerajaan bercadang untuk membuat pindaan sepertimana pindaan yang dibuat sekarang ini di mana soal jurisdiction diextendkan, dilanjutkan untuk meliputi kawasan di luar daripada Malaysia. Soalnya, adakah Kerajaan bercadang untuk

hendak mengikut cara macam ini juga supaya kes-kes seperti BMF itu akan dapat dibicarakan dan soal jurisdiction, soal bidangkuasa di mana kesalahan itu berlaku di luar daripada Malaysia tidak menjadi halangan kepada Pendakwa Raya untuk mendakwa kes itu di dalam negara kita. Itu sahaja soal saya sama ada Kerajaan bercadang untuk membuat pindaan yang sama dalam soal jurisdiction dalam kes-kes yang tertentu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Menteri berkenaan menjawab dan menggulung perbincangan.

**Dato Mohamed Khail bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sepang yang telah mengemukakan pendapat mengenai pindaan yang dibuat di dalam hal ini dan dibandingkan dengan keadaan bagi BMF yang sudah pun saya percaya kita berbahas dengan panjang lebar dan kita mengetahui liku-liku dan kedudukannya serta juga jawapan-jawapan daripada pihak Kerajaan. Saya ingin menyatakan setakat ini pindaan yang kita buat dalam Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 1985 ini adaiah mengenai perkara-perkara yang saya telah sebutkan tadi. Setakat ini kita belum lagi bercadang membuat sebarang pindaan yang lain, apatah lagi yang ada kaitan dengan BMF, selain dahpada apa yang saya sebutkan tadi. Saya juga tidak mahu mengulas dengan panjang lebar dalam hal ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG PILIHANRAYA (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*4.29ptg.*

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya 1958 dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, ada pun Akta Pindaan yang dibentangkan ini dinamakan sebagai Akta Pilihanraya (Pindaan) 1986. Akta Pilihanraya (Pindaan) 1986 ini mengandungi beberapa pindaan kepada beberapa seksyen di dalam Akta Pilihanraya 1958.

Saya kira Akta Pilihanraya (Pindaan) 1986 ini akan mendapat sambutan dan sokongan daripada semua Ahli Yang Berhormat sekalian, memandangkan kepada tujuan-tujuan yang baik pindaan-pindaan itu dikemukakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pindaan-pindaan ini dibuat semata-mata untuk memperlengkapkan sesuatu

Suruhanjaya Pilihanraya di dalam melaksanakan tanggungjawab untuk menjalankan pilihanraya.

Sepertimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, negara telah mengalami sekurang-kurangnya enam pilihanraya umum sejak ianya mencapai kemerdekaan. Pilihanraya-pilihanraya umum ini telah dijalankan dengan kemas dan teratur. Di samping itu, Suruhanjaya Pilihanraya yang telah ditugaskan untuk menjalankan pilihanraya-pilihanraya itu telah menunjukkan sikap adil dan saksama, sesuai dengan kehendak Perlembagaan yang mewujudkannya sebagai sebuah badan bebas dan berkecuali.

Semua pihak selama ini telah berpuas hati dengan cara-cara Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan urusannya. Pilihanraya-pilihanraya yang dijalankan dengan adil dan saksama dan dalam keadaan aman dan tenteram selama ini, bukan sahaja mendapat sanjungan daripada semua pihak dan semua golongan di Malaysia, bahkan mendapat sanjungan dari semua pihak di luar Malaysia juga.

Kerajaan yakin Suruhanjaya itu akan terus mampu untuk menjalankan pilihanraya-pilihanraya secara adil dan saksama tanpa memberi pertimbangan atau layanan berat sebelah untuk mana-mana pihak.

Di dalam menjalankan pilihanraya Suruhanjaya Pilihanraya adalah dikawal aktiviti-aktivitinya khusus oleh Akta yang bernama Akta Pilihanraya 1958. Akta ini digubal dalam tahun 1958 sebagai Ordinan No. 33/1958. Akta ini telah dikaji semula dalam tahun 1970 dan dikeluarkan sebagai Akta 19. Sejak ianya digubal dalam tahun 1958, Akta ini tidak pernah mengalami apa-apa perubahan yang radikal. Walaupun selama ini pilihanraya telah dapat dijalankan dalam keadaan yang kemas dan teratur, namun setelah mengkaji semula secara mendalam pihak Suruhanjaya Pilihanraya mendapati

beberapa peruntukan yang ada sekarang ini perlu dipinda dan peruntukan-peruntukan baru perlu dimuatkan untuk memperlengkapkan lagi bidangkuasanya di dalam melaksanakan tanggungjawab untuk menjalankan pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, ada pun pindaan-pindaan yang dicadangkan itu melibatkan hanya 20 perkara penting, yang sedikit sebanyak mengalami perubahan isi atau substance, dengan izin. Perubahan-perubahan lain hanya melibatkan penyusunan semula perenggan-perenggan dan sebagainya yang tidak secara langsung atau secara tidak langsung mengubah maksud seksyen-seksyen yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perubahan-perubahan yang besar yang dicadangkan termasuklah kuasa-kuasa Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengawal berbagai jenis pegawai pilihanraya yang dilantik olehnya. Ada juga peruntukan yang menyentuh tentang writ pilihanraya bagi menentukan bahawa writ pilihanraya dikembalikan setelah pilihanraya diadakan atau sekiranya atas sebab-sebab tertentu pilihanraya tidak dapat diadakan.

Pindaan-pindaan yang dibuat untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pilihanraya menggunakan sebarang bangunan Kerajaan dalam musim pilihanraya sekiranya keadaan memerlukan. Perubahan yang paling penting ialah mengenai kuasa Suruhanjaya Pilihanraya untuk menentukan deposit pilihanraya. Maksima deposit yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya ialah sehingga ke paras \$5,000.

Tuan Yang di-Pertua, untuk faedah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya sukalah memberikan penjelasan-penjelasan mengenai beberapa seksyen penting, yang saya kira perlu diterangkan di sini.

Seksyen 2 dan seksyen 3 telah dipinda untuk menerangkan tentang takrif "Setiausaha" dan juga perlantikan pegawai-pegawai Urusetia Suruhanjaya Pilihanraya termasuk Setiausaha, Timbalan Setiausaha, Penolong Setiausaha dan juga Pegawai-pegawai Pilihanraya Negeri, Pegawai-pegawai Pengurus serta Penolong-penolong Pegawai Pengurus. Pindaan ini adalah penting bagi menjamin bahawa Suruhanjaya Pilihanraya mempunyai kuasa yang nyata, untuk mengawal aktiviti pegawai-pegawai dan kakitangan Urusetia yang menjalankan urusan-urusan pilihanraya.

Seksyen-seksyen 4 (1), 4 (2), 4 (3), 5 (1) (a), 8 (2), 8 (3) dan 8 (4) berhubung dengan penggunaan perkataan "general direction" atau "control" telah dipinda dengan cara mengeluarkan perkataan "general" untuk mewujudkan keadaan bilamana Suruhanjaya mempunyai kuasa yang lebih khusus terhadap kakitangan pilihanraya atau pegawai-pegawai pilihanraya yang dilantik untuk menjalankan pilihanraya. Perkara ini penting untuk menentukan bahawa pegawai-pegawai pilihanraya menjalankan urusan mengikut undang-undang atau peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya dan segala urusan yang mereka buat mencerminkan unsur-unsur keseragaman.

Seksyen-seksyen kecil 2 (A) seksyen 4 adalah suatu seksyen-kecil yang baru yang bertujuan untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya secara langsung untuk mengawal Pegawai-pegawai Pengurus Pilihanraya setelah mereka dilantik sebagai Pegawai Pengurus untuk menjalankan sesuatu pilihanraya di peringkat bahagian-bahagian pilihanraya. Perkara ini penting untuk menjamin supaya segala keputusan yang dibuat oleh Pegawai-pegawai Pengurus adalah seragam bagi semua kawasan.

Seksyen 8 (1) dan seksyen 8 (3A) adakah berkaitan dengan perlantikan Timbalan Pegawai Pendaftar dan juga kawalan yang boleh dilakukan terhadap Pegawai-pegawai Pendaftaran di dalam urusan mereka mengenai pendaftaran pemilih.

Seksyen-kecil (2) seksyen 12 dipinda untuk membolehkan Pegawai Pengurus mengembalikan writ pilihanraya kepada Suruhanjaya Pilihanraya selepas pilihanraya diadakan dengan cara yang ditetapkan atau sekiranya atas sebab-sebab tertentu pilihanraya tidak dapat diadakan.

Seksyen-kecil (3) seksyen 12 dipinda untuk menyelaraskannya dengan Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan yang telah menetapkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya adalah pihak yang mengesahkan berlakunya sesuatu kekosongan yang akan dipenuhi di dalam sesuatu pilihanraya.

Seksyen 14 (1) dan seksyen 14 (2) dipinda untuk membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya menggunakan sebarang bangunan termasuk bangunan Kerajaan atau sebahagian daripadanya dalam musim pilihanraya dan juga memberi kuasa kepada Suruhanjaya memperbaiki bangunan-bangunan yang rosak di dalam masa menjalankan urusan pilihanraya.

Seksyen 15 (2) (f) telah dipinda. Pindaan yang dibuat ialah mengenai bayaran pampasart dinaikkan daripada \$50 kepada \$200 bagi kes bantahan terhadap kemasukan nama dalam daftar pemilih. Tujuannya ialah bagi mengelakkan bantahan terhadap kemasukan nama dalam daftar pemilih yang dibuat tanpa asas atau untuk melakukan penipuan.

Seksyen-kecil 2 (d) seksyen 16 dipinda. Pindaan ini melibatkan jumlah maksimum deposit yang boleh diprescribikan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dinaikkan kepada jumlah

maksimum \$5,000. Jumlah sebenarnya yang ditentukan terkandung dalam Peraturan-peraturan Pilihanraya Perjalanan Pilihanraya (Pindaan) 1986, iaitu daripada \$1,000 kepada \$3,000 untuk Dewan Undangan Negeri dan daripada \$2,000 kepada \$5,000 untuk Parlimen.

Seksyen-kecil 3 seksyen 16 adalah suatu seksyen-kecil yang baru. Seksyen-kecil ini bertujuan untuk membolehkan diberi kuasa kepada Pegawai Pilihanraya Negeri dan juga Pegawai Pengurus Pilihanraya untuk mengambil dan menerima akuan berkanun. Akuan berkanun yang diambil dan diterima oleh mana-mana pegawai itu boleh dianggap sebagai akuan yang dibuat menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Tujuan pindaan ini adalah untuk menyenangkan calon-calon untuk membuat Akuan Berkanun di dalam borang 5 atau 5A yang dikehendaki dikemukakan bersama-sama dengan kertas pencalonan. Dengan adanya pindaan ini, maka ini bermakna bahawa Akuan Berkanun boleh dibuat di hadapan Pegawai Pengurus atau Pegawai Pilihanraya Negeri di dalam negeri di mana kawasan pilihanraya yang hendak dipertandingkan itu berada.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada hakikat bahawa pindaan yang telah dicadangkan itu adalah dengan tujuan-tujuan untuk menjamin pilihanraya di negara ini akan terus berjalan secara licin dan teratur dan sebagai tanda keyakinan kita semua terhadap peranan yang penting yang telah dimainkan dan yang akan dimainkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya di dalam menjalankan pilihanraya-pilihanraya di negara ini, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tidak akan ragu-ragu bahkan akan memberi sokongan sepenuhnya atas semua

cadangan pindaan kepada Akta Pilihanraya 1958 yang baru sebentar tadi saya terangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya 1958 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.42 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, soal yang pertama yang timbul dengan pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri ialah sama ada bukan sahaja pindaan-pindaan kepada Akta-akta Pilihanraya, Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya mahupun Peraturan-peraturan semua ini dikemukakan oleh kerana pilihanraya umum sudah dekat.

Dalam Perlembagaan kita Suruhanjaya Pilihanraya merupakan sebuah badan yang bebas, yang autonomous untuk mendapat keyakinan rakyat bahawa badan itu akan mengendalikan proses pilihanraya tanpa menyebelahi mana-mana pihak termasuk parti-parti yang memerintah. Kenapa pada masa ini baru pindaan-pindaan ini dikemukakan, tidak di masa-masa yang lain, kalau tidak ada peruntukan-peruntukan dengan tujuan khas supaya membantu, menolong parti-parti yang memerintah. Inilah menimbulkan satu soalan besar dan akan merosakkan keyakinan rakyat. Kita tahu dalam pindaan-pindaan yang dikemukakan ini ada beberapa peruntukan yang boleh menimbulkan persoalan.

Yang pertama, peruntukan di mana deposit akan dinaikkan daripada maksima \$1,000 kepada maksima \$5,000. Penyakit politik yang besar di negara kita ialah penyakit politik kewangan di mana tujuan murni lagi suci politik itu telah dikotori, dirasuahkan dengan politik kewangan.

Sungguhpun pemimpin-pemimpin Kerajaan kadangkala ada menimbulkan serta melahirkan kebimbangan mereka mengenai masalah politik kewangan, tetapi kita tidak dapat lihat apa-apa langkah yang positif dan berkesan diambil oleh Kerajaan supaya dapat membasmi penyakit ini yang pada akhirnya menjadi punca korupsi dan keruntuhan morality dan integrity pemimpin-pemimpin Kerajaan di negara kita.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengeritsikan Mesyuarat*)

Sekarang kita ada satu cadangan untuk meminda amaun deposit. Apakah kita mahu bahawa di negara kita ini hanya orang-orang kaya dan berada sahaja yang boleh berpeluang untuk bertanding dalam pilihanraya serta bagi membolehkan mereka sendiri kemuka sebagai calon untuk dipilih oleh pengundi-pengundi? Saya rasa inilah satu perkembangan yang tidak sihat. Kalau kita mahu proses demokrasi kita sihat, kita patut membenarkan sesiapa, tidak kira keadaan kedudukan kewangannya, suatu petuang tampil ke hadapan dan menawarkan sendiri kepada rakyat supaya boleh dipilih.

Saya bukan tidak bersetuju dengan mengadakan sistem deposit. Sekarang kita sudah ada sistem deposit dengan \$1,000 ceiling untuk Ahli-ahli Parlimen dan \$750, kalau saya tidak silap untuk Dewan Undangan Negeri. Kenapa kita mahu meningkat lima kali ganda maksimumnya? Kalau ini diluluskan, ini akan bererti bahawa baru mereka boleh dianggap sebagai ada wang dan deposit itu akan dapat berfaedah.

Mereka yang biasa, yang tidak ada harta benda akan menghadapi kesulitan. Adakah ini berpatutan? Adakah ini baik untuk demokrasi? Saya rasa ini akan menguatkan lagi perkembangan politik kewangan, politics of money, dengan izin, dalam negara kita dan tidak patut dijadikan satu perubahan yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa ini bukanlah satu proses untuk "eliminate" calon-calon yang bukan terdiri dari orang kaya. Kita tidak mahu Dewan ini menjadi Dewan di mana hanya orang kaya sahaja boleh datang atau hanya mereka yang dapat wang daripada syarikat-syarikat atau derma-derma dan sebagainya boleh datang. Kita patut membuka peluang atau democratisekan proses ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan yang ada di hadapan kita, ada satu pindaan kepada peruntukan seksyen 4 di mana ada satu perenggan baru iaitu seksyen-kecil 4 (2A) yang berbunyi:

"Pegawai Pengurus hendaklah, bersama-sama dengan semua Pegawai Pilihanraya yang lain, tertakluk kepada kawalan, penyeliaan dan arahan Suruhanjaya Pilihanraya sebagaimana diperuntukkan di dalam perenggan (a) dan (b) seksyen-kecil (i) seksyen 5".

Ada juga pindaan kepada peruntukan seksyen 5 yang berbunyi, dengan izin, "General control dan supervision over the administrative conduct of the elections by the Election Commission" dipinda dengan memotong perkataan "general". Ini bererti bahawa dahulu Suruhanjaya Pilihanraya adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan "general control and supervision" sahaja tetapi kadangkala ada juga bidang-bidang di mana khususnya "returning officer" ada mempunyai tanggungjawab yang spesifik.

Satu contoh yang saya boleh menimbulkan ialah mengenai keputusan untuk menolak atau terima pencalonan; dan sama ada dalam borang-borang nomination terdapat kesilapan atau tidak dan sebagainya. Siapa buat keputusan itu dan siapa yang mempunyai keputusan muktamad? Inilah sampai sekarang, kalau saya tidak sitap tanggungjawab "returning officer" bukan Suruhanjaya Pilihanraya. Apa yang Suruhanjaya Pilihanraya boleh buat ialah mengeluarkan "general control and supervision" mengenai "administrative conduct of elections". Tetapi keputusan yang muktamad dibuat oleh returning officer.

Dengan pindaan ini adakah ini bererti bahawa keputusan ini bukan lagi yang terakhir, bukan lagi dalam tangan returning officer tetapi terpaksa mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Pilihanraya. Saya rasa ini patut dijelaskan. Kita tahu dalam masa-masa lampau khususnya dalam Pilihanraya Umum 1974, beramai-ramai calon khususnya calon-calon Parti Pembangkang ditolak atas kesilapan-kesilapan yang begitu kecil dalam kertas nomination sebagai calon. Tetapi sungguhpun pada masa itu dalam kertas nomination calon-calon Barisan Nasional ada kesilapan, ada returning officers yang tidak mengambil perhatian yang berat.

Saya boleh ingat lagi dalam tahun 1969, ketika Pilihanraya Umum di Kawasan Ulu Selangor, calon Perikatan pada masa itu ialah seorang Menteri MCA iaitu Tan Sri Khaw Kai Boh. Dalam kertas nomination dia mengatakan, dengan izin, "I want to be described on the ballot paper as . . . ."—iaitu nama, apa nama yang hendak dipakai dalam kertas undi—dan beliau kata "Sailing Boat". Dia mahu didescribkan di dalam kertas undi sebagai "Sailing Boat". Kalau DAP berbuat sedemikian, habislah akan ditolak. Tetapi oleh



kerana Tan Sri Khaw Kai Boh pada masa itu adalah Menteri MCA, objection DAP telah diketepikan.

Di tahun 1974 lagi berlaku calon-calon Parti Pembangkang ditolak beramai-ramai dan perkara semacam ini tidak diambil berat oleh Parti-parti Pemerintah oleh kerana Parti-parti Pembangkanglah yang menjadi mangsa. Sungguhpun masa ini saya dan rakan-rakan saya sudah cadangkan bahawa kertas nomination patut dimudahkan dan tidak patut berlaku kesilapan-kesilapan yang remeh-temeh di mana typing, di mana hak-hak seseorang untuk menjadi calon dinafikan. Kalau sesiapa yang patut ada hak untuk menolak seorang calon dipiih ialah rakyat jelata, pengundi-pengundi, pemilih-pemilih dan bukan returning officers. Tetapi masa itu pemimpin-pemimpin UMNO dan MCA tidak mahu hirau—itu pada tahun 1974.

Datang tahun 1978, masalah tidak begitu besar, sungguhpun ada berlaku calon-calon khususnya dari Parti-parti Pembangkang yang ditolak atas kesilapan-kesilapan yang kecil. Datang tahun 1982 elections, calon-calon UMNO sendiri ditolak di Kelantan, barulah pemimpin-pemimpin UMNO bangun dan berkata, "Mana boleh macam ini? Tidak patut". Barulah mereka datang ke Parlimen dan mengatakan patutlah perkara ini dimudahkan dan disimplifykan. Kita di sini menyambut baik cadangan-cadangan yang diura-urakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya akan simplifykan nomination paper—tetapi bukan oleh kerana diarahkan, diputuskan oleh Majlis Tertinggi UMNO. Ini ada diumumkan dalam suratkhbar, Majlis Tertinggi UMNO sudah membuat keputusan hendak meminda undang-undang. Mana ada kebebasan itu? Tetapi saya tidak tahulah apakah jenis nomination paper itu oleh kerana ini belum diumumkan. Tetapi dengan pindaan yang di hadapan kita hari ini, keputusan

menolak atau membenarkan pencalonan kertas nomination sekarang nampaknya dalam tangan Suruhanjaya Pilihanraya dan bukan setiap Returning Officer. Saya rasa ini tidak patut dan ini tidak baik untuk perjalanan pilihanraya.

Kalau ada 170 kawasan Parlimen dan lebih kurang 300 kawasan State, adakah semua calon mahu mendapat lampu hijau dari Suruhanjaya Pilihanraya sebelum returning officer membuat keputusan yang terakhir mengenai terima atau tidak terima nomination paper? Ini saya rasa satu pindaan yang undemocratic, bukan mengarah satu Kerajaan yang baik, satu Kerajaan yang boleh memupuk keyakinan rakyat jelata bahawa proses pilihanraya akan sebenarnya wujud dengan tulen, bebas, adil dan tidak mengikut arahan-arahan daripada mana-mana parti Pemerintah.

Di sini saya lihat ada lagi satu pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 12 (3). Sebenarnya ada dua pindaan iaitu dalam Fasal 8 dalam Bil. Apa yang menarik perhatian saya ialah pindaan kepada seksyen-kecil (3) dalam seksyen 12 dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "disahkan berlaku" dalam seksyen-kecil (3), perkataan-perkataan "oleh Suruhanjaya Pilihanraya".

Tuan Yang di-Pertua, inilah satu perkara yang besar. Dengan izin, saya baca peruntukan yang ada sekarang: "In relation to a vacancy which is to be filled at a by-election, a writ shall be issued not earlier than ten days and not later than thirty days from the date on which it is established that there is a vacancy". Sekarang dengan pindaan ini, ia akan berbunyi, ". . . .from the date on which it is established by the Election Commission that there is a vacancy". Siapa yang menentukan ada vacancy?

Kita semua boleh ingat skandal perletakan jawatan di Sabah State Assembly dalam bulan Oktober di

mana 4 Assemblymen PBS dilaporkan sudah meletakkan jawatan oleh kerana surat perletakan jawatan mereka sudah sampai ke tangan Speaker Sabah—bukan di Sabah tetapi di Kuata Lumpur; Speaker Sabah bukan di Sabah tetapi di Kuala Lumpur, sampai di Kuala Lumpur dan dikemukakan kepada Suruhanjaya Pilihanraya.

Sungguhpun mereka mengemukakan bahawa mereka tidak meletak jawatan, bahawa mereka awal-awal sudah menulis surat kepada Pejabat Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah bahawa apa-apa jenis surat yang mengatakan mereka meletakkan jawatan tidak sah, oleh kerana ini, dengan izin, "undated pre-signed" surat letak jawatan. Masalahnya ialah siapa determine? Masa itu Suruhanjaya Pilihanraya kata mereka tiada kuasa untuk menyiasat apa latar belakang perkara ini dan apabila mereka mendapat surat daripada Pejabat Speaker, barulah mereka pada mukanya, "on the face of it", tidak ada hak yang lain daripada menerima surat daripada Speaker bahawa ada vacancy. Dengan pindaan ini apa ertinya, adakah Election Commission ada kuasa sekarang untuk menyiasat kebelakangan atau, dengan izin, "go behind the back" surat Speaker, untuk mendapat tahu sama ada benar-benar ada vacancy sebelum membuat keputusan bahawa proses memanggil Pilihanraya Kecil bermula.

Saya rasa ini sebenarnya satu bab dalam sejarah pilihanraya kita yang kita semua rasa malu di mana peruntukan mengenai vacancy berkenaan pertetakan jawatan khasnya Assemblymen, dalam perkara di sini di Sabah, menjadi satu skandal besar dan sebenarnya bekas Perdana Menteri Y.T.M. Tunku Abdul Rahman dalam "Hari Ini—STAR" ada berkata bahawa, dengan izin, "It is a bigshame, prostitution of the career of Members in the Assembly". Dan bukankah masa sudah sampai di mana kita betulkan, kita pindakan Akta-akta Pilihanraya

supaya blemish ini di dalam process of election kita tidak ada lagi supaya secara terus terang sesiapa yang dipilih ada tanggungjawab kepada pemilih-pemilih, kalau mereka mahu lompat, di Sabah perkataan popular. menjadi "frog jump" perlulah letak jawatan, memberi satu peluang untuk rakyat menentukan sokong tak sokong keputusannya dan ini boleh dibuat dalam peruntukan Akta Pilihanraya. Sesiapa yang dipilih, kalau lompat, kalau hendaklah letak jawatan daripada partinya perlulah mengadakan by-election supaya proses ini tidak disalahgunakan, supaya election process tidak diprostitutekan untuk wang, untuk tujuan-tujuan material di mana tujuan pilihanraya, tujuan demokrasi semua diketepikan.

Saya berharap bahawa sebenarnya bagaimana Election Commission akan establish that there is a vacancy, selain daripada membuat penyiasatan, patutlah perkara ini tidak timbul. Ada prinsip supremacy setiap Assembly atau setiap Parlimen mengenai perkara-perkara dalam Assembly atau Parlimen dan ini termasuk keadaan kedudukan vacancy atau tidak vacancy. Apa yang timbul ialah salahguna kuasa-oleh Speaker-speaker khasnya Speaker Sabah, Tan Sri Suno bin Marso dan kalau kita mahu membetulkan apa yang kita ada, itulah kita patut, kenapa tiada pindaan-pindaan semacam ini dan di sini peruntukan 12 (3), saya baca sekali lagi, dengan izin:

"In relation to a vacancy which is to be filled at a by-election a writ shall be issued not earlier than 10 days and not later than 30 days from the date on which it is established there is a vacancy."

Apabila ada satu kekosongan dan perlu satu pilihanraya kecil, Suruhanjaya Pilihanraya harus mengeluarkan, dengan izin, election writ not earlier than 10 days and not later than 30 days daripada hari ada

vacancy dan tujuannya ialah supaya adil, patut, ada masa yang cukup dalam satu proses demokrasi dan dalam proses demokrasi pun bererti keadilan. Kalau tiada keadilan, mana ada demokrasi? Untuk satu pilihanraya kecil ada peruntukan tak kurang daripada 10 hari, election writ not earlier than 10 days daripada vacancy barulah election writ boleh dikeluarkan, sekurang-kurangnya 10 hari barulah boleh keluar election writ dan selebih-lebihnya tak boleh lepas 30 hari.

Kalau itulah rationale untuk mengisikan satu by-election satu kawasan tentulah untuk General Elections atau Pilihanraya Besar, di mana bukan satu vacancy, dua vacancy tetapi sekarang dekat 170 vacancy Parlimen dan 300 vacancy State, sekurang-kurangnya kalau tak lebih masa rationale, semangat prinsip yang ada terkandung di dalam Seksyen 12 (3) patut pun dihormati supaya sekurang-kurangnya daripada tarikh election writ untuk General Elections diadakan ialah, dengan izin, not earlier than 10 days of dissolution, tetapi baru-baru ini di Sabah satu pembubaran Sabah Assembly, 26hb Februari, bila election writ dikeluarkan? Belum dikeluarkan, tahkh akan diumumkan 29hb, kalau tak silap, election writ itu akan dikeluarkan, kalau tak silap lagi satu dua hari, lebih daripada 30 hari.

Masalah kedua ialah apabila Dewan yang mulia ini dibubarkan bila akan bubar tak tahulah, semua tertanyanya, semua tertunggu-tunggu, tertanya-tanya, masalahnya ialah akankah kita mematuhi kepada prinsip 12 (3) bahawa election writ shall not be issued not earlier than 10 days of dissolution. Issue of election writ sekurang-kurangnya 10 hari itu keadilan, prinsip keadilan, tetapi kita dengar bukan sahaja itu tidak menjadi tujuan Kerajaan, tujuan Kerajaan ialah bahawa mahu memotong lagi campaign period antara nomination day dan polling day dan mengikut

peraturan "Conduct of Elections" ada peruntukan dalam seksyen 3:

"On the issue of a writ in accordance with the provisions of Section 12 of the Elections Act 1958, the Election Commission shall publish a notice thereof in the Gazette and in one or more daily newspapers circulating in Malaysia and such notice shall specify the date on which candidates for election are to be nominated, which in these regulations is referred to as the day of nomination, not being less than 7 days after the date of the publication of such notice, at the date on which the poll will be taken in the event of a contest which in these regulations is referred to as the polling day not less than 14 days after the day of nomination."

Ertinya ialah election writ 2 hari, Gazette notification 7 hari sekurang-kurangnya, polling day sekurang-kurangnya 14 hari daripada nomination day, iaitu daripada election writ sekurang-kurangnya 23 hari sebelum tahun 1969, lebih panjang, sudah dipotong dan sekarang ada ura-ura bahawa Kerajaan mahu potong 14 hari itu kepada 7 hari. Kita mahu tahu adakah ini intent, hasrat Kerajaan? Adakah ini adil? Kerajaan ada kuasa tunjuk tyranny tetapi kalau kita mencintai demokrasi, kita patut menghormati keadilan dan apabila kita pinda undang-undang atau lulus undang-undang, kita mahu tahu prinsip peruntukan 12 (3), bolehkah Yang Berhormat Menteri membehtahu Dewan ini kenapa prinsip ini tidak dipatuhi? Kalau untuk pilihanraya kecil perlu ikut tempoh-tempoh yang ditentukan oleh 12 (3), kenapa untuk General Elections tidak?

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mahu menang election sahaja tidak kira apa-apa prinsip keadilan, saya rasa satu hari kita barulah ada form of elections, tetapi kita tidak mengisi demokrasi lagi. Saya harap bahawa

kita tidak akan menghadapi oleh kerana kalau peruntukan masa minima antara Nomination Day kepada Polling Day 14 hari, potong kepada 7 hari bukan melalui pindaan Akta-akta, tetapi melalui peraturan-peraturan sahaja, ini satu perubahan yang besar. Kalau mahu buat patutlah memberi sebab-sebab yang munasabah dan tidak patut datang sebagai last minute surprise. Kalau ini dibuat, rakyat semua tahu Kerajaan ini tidak adil dan ketidakadilan adalah prinsip Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini pun ada meminda peruntukan-pemntukan yang lain. Sebelum itu saya mahu mengingatkan Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan yang mulia ini, Seksyen 5 General Powers and Duties of the Election Commission di mana prinsip Election Commission ada terkandung—

"The Election Commission shall exercise general control and supervision over the administrative conduct of elections and the registration of electors on the electoral rolls and shall enforce on the part of all election officers fairness, impartiality and compliance with the Constitution and the law."

Itulah apa yang kita minta Election Commission mematuhi sahaja, tidak lebih dan tidak kurang. Dalam pindaan di hadapan kita ada pindaan supaya Seksyen 14 di mana ada peruntukan baru supaya membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya menggunakan dengan percuma sebagai tempat mengundi, mana-mana bangunan atau premis awam. Sampai sekarang tempat yang digunakan untuk pilihanraya atau pembuangan undi ialah tempat-tempat sekolah, sekarang dipinda supaya membolehkan Kerajaan mengadakan snap election bila-bila, tidak perlu terikat kepada consideration mahu menggunakan

tempat-tempat sekolah. Nampaknya pindaan ini pun bertujuan supaya boleh mengadakan dengan lebih senangnya snap General Elections.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa teguran-teguran kami khasnya bahawa dalam perjalanan elections, Suruhanjaya Pilihanraya perlulah mematuhi prinsip keadilan fairness and impartiality dan pun mengikut semangat yang ada dalam Akta Pilihanraya, khasnya 12 (3) supaya masa yang berpatutan, masa yang adit diadakan untuk membolehkan satu pilihanraya besar dijalankan mengikut prinsip Perlembagaan dan bukan mengikut hasrat sesiapa. Bukan tujuan dalam Akta ini, bukan tujuan dalam Perlembagaan kita bahawa Suruhanjaya Pilihanraya perlu dapat "green light", kelulusan daripada sesiapa termasuk Kerajaan, sebelum membuat apa-apa keputusan mengenai peraturan-peraturan pilihanraya, mengenai tetapkan apa tarikh election writ dikeluarkan, apa tarikh untuk nomination, apa tarikh untuk polling. Itu bukan kuasa Perdana Menteri, itu bukan kuasa Kerajaan, itu ialah kuasa Suruhanjaya Pilihanraya.

Kalau Suruhanjaya Pilihanraya mahu mematuhi tarikh-tarikh yang ditentukan oleh Majlis Tertinggi UMNO atau Perdana Menteri, sudah hilang kedudukan bebas yang terkandung dalam Pertembagaan dan tanggungjawab bagi Suruhanjaya Pilihanraya untuk menentukan masa yang berpatutuan yang diwajibkan dalam undang-undang dipatuhi supaya tidak sesiapa yang boleh dapat, dengan izin, undue advantage dan apa yang berlaku di Sabah di mana nampaknya ketetapan tarikh-tarikh tidak dibuat mengikut semangat-semangat dan prinsip-prinsip yang ada, tidak patut berlaku lagi.

Tujuan Suruhanjaya Pilihanraya ialah untuk menjalankan pilihanraya.

Sama ada masalah ketenteraman, keselamatan setempat menjadi masalah, itu bukanlah tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya. Itu adalah tanggungjawab pihak Polis, pihak Pasukan-pasukan Keselamatan dan ini tidak patut dalam kes Sabah menjadikan satu sebab melambatkan menentukan tarikh-tarikh pilihanraya.

Dengan itu, saya harap bahawa kita tidak akan menghadapi di masa hadapan peraturan-peraturan dipinda, digazet 2-3 hari sebelum pembubaran supaya meminda peraturan sini, peraturan sana di mana akan menjadi satu obstacle, satu halangan kepada parti-parti Pembangkang yang sudah menghadapi begitu banyak rintangan di mana pihak Kerajaan sudah ambil begitu banyak undue advantage semacam mengadakan di semua negeri illegal public rally, dinafikan kepada pihak-pihak Pembangkang, mana ada keadilan? Ini sepatutnya menjadi dalam fikiran Suruhanjaya Pilihanraya apabila menjalankan tugas berkaitan dengan pilihanraya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Balik Pulau.

5.18ptg.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Akta yang dinamakan Akta Pilihanraya (Pindaan), 1986.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya masuk kepada seksyen-seksyen yang telah dinyatakan untuk pindaan ini, saya mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang telah pun mengadakan sebanyak 6 kali pilihanraya umum. Kerja-kerja dan tugas Suruhanjaya Pilihanraya ini setakat yang telah lalu, cukup

memuaskan, cekap, adil, saksama dan tugas-tugas cemerlang yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya ini diakui bukan sahaja oleh parti pemerintah tetapi oleh semua pihak. Setakat ini tidak ada pihak yang mempertikaikan kewibawaan badan Suruhanjaya Pilihanraya ini. Ini membuktikan bahawa tugas-tugas yang telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya ini begitu kemas, begitu cekap, adil dan saksama.

Tadi kita dengar Ketua Pembangkang sendiri telah menyatakan bahawa mereka juga puas hati dengan kerja-kerja dan tugas yang dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya setakat ini sepanjang yang pernah diadakan pilihanraya umum sebanyak 6 kali di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali imbas kita barangkali tidak sedar bagaimana tanggungjawab, bagaimana saksama, bagaimana cekapnya Suruhanjaya Pilihanraya negara kita menjalankan pilihanraya. Kita tak sedar kerana tidak berlakunya pertikaian. Kalau berlaku pertikaian baru, kita tahu bahawa tanggungjawab dan tugas Suruhanjaya Pilihanraya ini begitu berat, kerana hendak menentukan orang-orang yang mendapat kemenangan dan daripada kemenangan itu akan membentuk Kerajaan, akan memberi kuasa kepada parti-parti atau orang-orang yang berkenaan. Ini sangat berat, bukan satu perkara yang mudah.

Baru sahaja kita tihat satu pilihanraya besar yang berlaku di negara jiran kita di mana dalam pilihanraya itu berlaku berbagai-bagai kekecuaan yang akhirnya Kerajaan yang memerintah itu tumbang dan kewibawaan suruhanjaya pilihanraya negara itu dipertikaikan, bukan sahaja oleh rakyat negara itu, bahkan dipertikaikan oleh negara-negara dalam dunia, sampai kuasa-kuasa besar mengambil tindakan

campurtangan. Itulah saya katakan tadi tugas dan kerja-kerja Suruhanjaya Pilihanraya ini bukan kecil, bukan satu kerja yang mudah, tetapi satu kerja yang sangat berat, tanggungjawab yang begitu besar dan mencabar.

Setakat ini sekali lagi saya mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya ini yang telah dapat menjalankan tugasnya dengan begitu baik, sebanyak enam kali pilihanraya tidak pernah dipertikaikan tanggungjawabnya dan ini bukan sahaja Suruhanjaya Pilihanraya itu patut kita ucap tahniah, tetapi kepada Kerajaan yang melantik. Parti Pembangkang dia nampak Suruhanjaya itu yang bagus dia puji, dia tak puji Kerajaan, tetapi Kerajaanlah yang menentukan siapa yang hendak mengendalikan Suruhanjaya Pilihanraya itu. Kepada Kerajaan juga patut kita ucap tahniah kerana bijak, pandai memilih orang-orang yang layak, orang-orang yang mempunyai peribadi yang baik untuk mengendalikan kerja-kerja ini.

Saya sangat tidak bersetuju dengan pandangan-pandangan Yang Berhormat dari Kota Melaka yang mengatakan Kerajaan sentiasa mencari peluang menggunakan berbagai-bagai helah untuk kepentingan Kerajaan. Kenyataan-kenyataan yang ada tidak pernah membuktikan terhadap tuduhan-tuduhan yang telah dibuat oleh Ketua Pembangkang itu bahawa Kerajaan tidak adil dan sebagainya, menuduh bahawa semua pindaan-pindaan yang dibuat ini dimesyuaratkan dahulu, diputuskan dahulu oleh Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Ya, memang kita akui, pemerintahan negara ini diteraskan oleh pertubuhan UMNO, UMNO yang menjadi teras Kerajaan.

Maka itu adalah menjadi tanggungjawab UMNO untuk meminda apa-apa Perlembagaan dan setelah itu dibawa kepada mesyuarat

Barisan Nasional iaitu Kerajaan yang memerintah negara ini. Bukan seperti parti Pembangkang, seperti Ketua Pembangkang sendiri, kalau orang yang kita hendak lawan dia, dia buang begitu sahaja, tidak ada demokrasi. Banyak sudah tokoh-tokoh dalam DAP ini yang saya kenal yang cuba hendak mempertikaikan arahan-arahan daripada Ketua Pembangkang, habis menjadi mangsa Ketua Pembangkang. Saya boleh sebut. Saudara Fan Yew Teng sekarang menubuhkan satu parti SDP namanya, saudara Goh Hock Guan. Ini orang-orang yang terpilih, terkenal, bijak, orang ini diketepikan oleh Ketua Pembangkang kita. Mana ada keadilan? Beliau bercakap tadi mengenai keadilan. Kita tidak pernah metakukan perkara ini.

**Dr Chen Man Hin:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, minta jalan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Saya beri jalan,

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Speaker, tuduhan daripada Yang Berhormat dari Balik Pulau itu tadi tidak benar. Saya Pengerusi parti, saya tahu apa sebab Fan Yew Teng dan Goh Hock Guan disingkirkan, bukan oleh sebab yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau. Itu tak benar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Presiden Parti DAP bercakap tadi. Tetapi yang saya tahu dalam Parti DAP yang paling kuat Setiausaha Agung, bukan Presiden (*Tepuk*). Presiden hanya mengikut apa Setiausaha Agung cakap.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun lagi.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ya, boleh.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dari Balik Pulau ini asyik dan berminat untuk membincangkan hal-hal rumah-tangga orang lain, walhal gajah itu di mulut sendiri pun tak nampak. Dengan Timbalan Perdana Menteri sekarang itu macam mana? Adakah ini satu perkara yang kecil? Mengapakah berlaku perkara seperti ini? Itu dia tak pertikaikan. Semut di dua batu dia nampak, tetapi gajah di bibirnya tak nampak. Itulah hakikatnya tak begitu wajar.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Tuan Yang di-Pertua, wakil Kepong itu hendak menyatakan peribahasa pun tak betul. Peribahasa yang betul: Tungau di seberang nampak, gajah di bibir mata tak nampak. Saya suka betulkan itu (*Tepuk*). Lain kali sebelum hendak bercakap, kena hafal betul-betul, kalau tidak, tak usah cakap peribahasa.

Betiau menyatakan tentang pemberhentian Timbalan Perdana Menteri. Timbalan Perdana Menteri bukan dipecat. Beliau berhenti dengan kehendak sendiri, menghantar surat untuk berhenti. Berlainan dengan Parti DAP, dipecat begitu sahaja dan akhirnya yang dipecat ialah Chan Teck Chan, Yap Ghim Guan daripada Pulau Pinang. Semuanya orang-orang yang pada pandangan Ketua Pembangkang iaitu Setiausaha Agung yang lebih berkuasa daripada Presiden. Saya tegaskan dalam DAP, Setiausaha Agung lebih berkuasa daripada Presiden. ....

**Dr Chen Man Hin:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta jalan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ya, beri dia jalan.

**Dr Chen Man Hin:** Kalau Ahli dari Balik Pulau sedar saya boleh beri satu copy dari constitution, di sini ada beritahu dengan terang-terangan, apakah tugas-tugas Presiden atau Chairman dan tugas-tugas jawatan Setiausaha Agung. Janganlah sebut lain-lain ikatan yang tidak tahu.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati Presiden DAP, sebab itu saya beri peluang beliau bercakap, tetapi DAP sendiri tak pernah menghormati Presidennya. Semua dasar-dasar DAP ditentukan oleh Setiausaha Agung. Itu yang saya tahu dan saya faham dan semua orang faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baiklah, sila teruskan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Dan bukti yang paling nyata kalau Presiden itu lebih berkuasa tentulah Presiden yang menjadi Ketua Pembangkang mengapa Setiausaha Agung jadi Ketua Pembangkang. Ini jelas menunjukkan kuasa ada kepada Setiausaha Agung (*Tepuk*), Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila teruskan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Dan saya bimbang kalau DAP menang yang akan jadi Perdana Menteri barangkali Setiausaha Agung, bukan Presiden. Presiden menyemak balik Perlembagaan diubah supaya kuasa itu ada pada Presiden. Kami dalam UMNO terutama saya, saya hormati Presiden DAP.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun pula.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Saya fikir saya hendak teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita tidak ada masa lagi. Mintalah Yang Berhormat. Kita hanya ada besok, satu hari sahaja lagi.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bercakap tentang Fasal 11 di bawah perenggan (*d*), seksyen-kecil (2), seksyen 16 Akta Suruhanjaya Pilihanraya, iaitu yang menaikkan deposit daripada \$1,000 kepada \$5,000. Ketua Pembangkang tadi kata ini akan menggalakkan orang kaya-kaya sahaja masuk dalam pilihanraya. Orang yang miskin tidak ada peluang.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini tidak betul. Pindaan yang kita buat ini sudah lama, dahulu kita tetapkan hanya \$750 kalau saya tidak silap. \$500 untuk Parlimen dan \$250 untuk Dewan Undangan Negeri, itu 10 tahun lalu, sekarang dalam keadaan inflasi ini patut kita naikkan, duit yang dahulu \$1 sekarang tinggal hanya 50 sen. Dan saya sangat menyokong pindaan ini kerana dalam sejarah pilihanraya negara kita ini ada bukti-bukti yang menunjukkan opportunists, dengan izin, orang yang cari makan kerana dalam penamaan calon dia masuk bertanding di dua tiga tempat di Dewan Undangan Negeri dan di Dewan Rakyat, kerana dia hendak mencari peluang. Bila orang suruh dia tarik diri, dia kata boleh berunding atau tidak—beri pada dia \$10,000, dia tarik diri.

Ini kita tidak mahu orang yang macam itu berlaku. Orang yang macam ini orang yang opportunists yang mempunyai kepentingan diri sendiri, dia masuk bertanding pilihanraya bukan untuk dengan tujuan hendak memerintah negara ini, hendak jadi calon, hendak berkhidmat kepada negara ini—tidak—tujuannya masuk semata-mata supaya ada barangkali pihak-pihak yang tidak senang ataupun bimbang, nanti dia menarik 400, 500 undi berjumpa dan berunding, bolehkah tuan tarik diri—dia nanti kata boleh. Jadi kawan pula, boleh bayar \$10,000, \$20,000. Ini berlaku. Jadi kita tidak suka perkara ini berlaku.

Maka itulah sebabnya kita naikkan had maksima itu kepada \$5,000. Dengan cara ini kemungkinan tidak akan ada lagi orang yang mencari peluang ataupun hendak cari makan untuk mereka dalam masa penamaan calon dalam Pilihanraya Umum ini. Oleh itu saya menyokong dengan kuatnya tentang pindaan yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan iaitu menaikkan kepada maksima \$5,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh tentang Fasal 9 yang bertujuan meminda Seksyen 14 iaitu yang membolehkan pihak Suruhanjaya Pilihanraya memilih tempat-tempat mengundi ini selain daripada sekolah-sekolah. Perkara ini saya fikir patut dan saya menyokong kerana ada di tempat-tempat, di kawasan-kawasan yang tertentu di mana kedudukan sekolah itu lebih jauh daripada tempat tumpuan orang ramai—tidak sesuai. Ada tempat-tempat yang lebih mudah, lebih dekat untuk orang ramai pergi mengundi, lebih sesuai, tetapi oleh sebab kita telah tetapkan sekolah pada masa yang lalu, kita terpaksa buat: Jadi bila tempat itu jauh daripada tumpuan orang ramai maka perbelanjaan itu lebih, kita terpaksa mengeluarkan perbelanjaan lebih untuk mengangkut atau yang hendak pergi mengundi atau terpaksa membelanjakan wang untuk pergi ke tempat mengundi. Dengan pengecualian ini kita berharap pihak Suruhanjaya Pilihanraya boleh memilih mana-mana tempat juga yang dia fikir sesuai, yang paling dekat, yang menjadi tumpuan orang raraai untuk dijadikan tempat mengundi. Maka dengan itu saya menyokong pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir cukuplah pandangan saya tentang perkara-perkara dalam pindaan ini dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Selepas ini saya minta Yang Berhormat



Menteri menjawab kerana kita kesuntukan masa, Saya minta maaf.

5.35 *ptg.*

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa);** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menentang Akta ini khasnya bahagian yang mana ketetapan jumlah deposit yang akan dikenakan nanti lebih daripada biasa bahkan akan sampai ke tahap \$5,000.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan kadar ini walaupun apa sahaja tujuannya tetapi yang jelas ialah keinginan yang amat sangat daripada pihak yang sedang berkuasa sekarang untuk kemenangan kerusi tanpa tanding iaitu menang tidak bertanding. Bagi tujuan menaikkan imej di mata umum bahawa kemenangan tanpa tanding ini menandakan penehmeaan rakyat terhadap pentadbiran yang ada dan ini diharap boleh memberi kesan baik terhadap kerusi-kerusi lain yang sedang ditandingkan, sedangkan tidak wujudnya tandingan itu bukan mestinya disebabkan penerimaan rakyat seperti yang digembargemburkan tetapi kerana bayaran deposit yang dikenakan itu terlalu tinggi menyebabkan tidak berpeluang bagi golongan rakyat yang tidak berduit untuk bertanding, bukan kerana penerimaan rakyat,

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya Akta ini, Parlimen akan semacam kelab eksklusif yang hanya akan dapat dimasuki oleh golongan-golongan hartawan sahaja atau millionaire sahaja. Ketika itu nasib golongan terbesar penduduk negara ini yang terdiri daripada golongan rakyat miskin tidak akan terbelas lagi kerana penderitaan dan kepahitan hidup seperti yang biasa dirasai oleh golongan miskin, tidak pernah dirasai oleh calon-calon yang tidak merasai kepahitan hidup. Maka yang miskin akan terus menerus terbiar tanpa belaan dan yang kaya akan hanya

memikir bagaimana cara untuk menambah kekayaan mereka walaupun dengan cara menindas golongan bawahan dengan macam-macam nama yang menyedapkan telinga mendengarnya.

Akta mi tidak selaras dengan cadangan supaya dipermudahkan lagi cara-cara mengisi borang penamaan calon bagi membolehkan semua calon-calon yang mengisi borang penamaan itu akan diterima dan ttdak akan ada lagi calon-calon yang akan ditolak kerana sedikit kesilapan teknik. Oleh itu setelah Akta ini dikemukakan maka kemudahan-kemudahan yang disebut-sebut sekejap tadi tidak akan memberi apa-apa erti pun kepada kita. Akta ini telah membuat kita terjebak dalam perangkap politik wang yang baru-baru ini heboh berlaku di negara kita dan telah dicemuh oleh semua pihak kerana mereka yang mempunyai wang sahaja yang akan berkuasa dalam bidang politik.

Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih baik dan lebih sihat bagi pihak atasan sekiranya jangan menambahkan kadar bayaran deposit dan serentak dengan itu memberi peluang kepada rakyat umum menggunakan haknya untuk menjadi calon adalah dengan cara menggunakan jaminan-jaminan harta sahaja melalui penggunaan geran-geran tanah dan sebagainya. Selepas itu kalau si calon tadi tidak dapat memungut undi mengikut kadar tertentu barulah dikenakan kadar \$5,000 secara tunai melalui geran-geran tanah yang dipegang oleh calon berkenaan. Dengan syarat ini, peluang untuk memasuki pilihanraya di peringkat rakyat dapat berjalan dengan baik dan peluang demokrasi boleh diisi oleh semua peringkat dengan sihatnya.

Sebenarnya Akta ini dibuat setelah pihak Kerajaan gagal dalam menyekat pihak Pembangkang dari meneruskan haknya untuk membangkang

walaupun telah dikenakan bermacam-macam halangan moral dan fizikal seperti pembuangan daerah, seperti ISA dan seperti mencetuskan Peristiwa Memali. Maka satu ikhtiar baru telah dibuat sekarang melalui Akta ini dengan menggunakan kadar kewangan yang berat, maka diharapkan dengan syarat ini dapat disekat pihak Pembangkang dari meneruskan haknya yang haijal dan sah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.40 ptg.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Akta Pilihanraya (Pindaan) 1986 yang saya bawa tadi. Tadi kita mendengar pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka, Yang Berhormat dari Balik Pulau dan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa berhubung dengan urusan pilihanraya sama ada yang berkaitan dengan undang-undang yang dikemukakan secara langsung ataupun mengenai hal-hal berkaitan dengan pilihanraya secara umum. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak khususnya kepada Yang Berhormat dari Balik Pulau yang telah menyenangkan saya untuk menjawab kerana apa yang diperkatakan semuanya saya setuju belaka dan memang kena pada tempatnya dan ini betul-betul menjimatkan masa, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin secara ringkas pergi kepada beberapa perkara yang disentuhkan tadi. Saya ambil daripada bawah dahulu khususnya Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang masih ada di sana mengenai apa yang dikatakan "politik wang". Dengan kita meningkatkan lagi apa yang kita

namakan deposit, maka seolah-olah tidak ramai lagilah yang boleh bertanding. Saya percaya pindaan ini mendapat sokongan semua pihak kerana kalau kita memikirkan politik wang inilah perkara yang kita hendak selesaikan kerana terdapat banyak pihak-pihak khususnya pihak parti lawan yang sengaja-ngaja membayarkan orang-orang yang tidak "tentu-tentu" memang kita tahu orang ini tidak ada duit tetapi oleh kerana parti Pembangkang hendak mengacau daun, kata orang, sudah tahu ini calon Barisan Nasional hendak menang tetapi sengaja hendak mengacau daun, dia sendiri hendak berlawan dia takut, dia bayar, dia kata saya bayar semua belanja deposit. Inilah yang hendak mengelak benda macam ini. Begitu juga dari segi perbelanjaan ini sebenarnya, daripada dahulu lagi semenjak kita ada pilihanraya belum ada lagi dinaikkan taraf, apakah had kalau tidak melebihi antara \$1,000 sampai \$5,000 walaupun mungkin juga Suruhanjaya ini mencadangkan, ini hak Suruhanjaya sebenarnya menentukan angka-angka sebenar tetapi ianya tidak dianggap tinggi, kita sudah kaji kemampuan ini. Kerana saya sendiri memang mengetahui dan kita mengetahui, umpamanya orang-orang PAS belum lagi menjadi calon sudah banyak belanja ke sana sini boleh membawa kereta ke sana sini, mengeluarkan video yang bukan-bukan, ini semua mahal. Kerana itu menandakan mereka ada duit, kenapa pula ini yang kita hendak komplek, saya rasa ini masalah yang tidak perlu kita. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak minta apa?

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Saya minta jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta jalan, Ya, silakan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Bolehkah saya bantu Yang Berhormat Menteri dengan satu maklumat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak boleh. Hendak bantu tidak boleh, hendak minta penjelasan boleh.

**Tuan Alias bin Md Ali:** Saya minta penjelasan. Saya hendak sampaikan satu maklumat kepada Yang Berhormat Menteri bahawa PAS sebenarnya tidak miskin, sebab sejak 10 tahun yang lepas PAS negeri Terengganu telah mengutip daripada orang-orang miskin iaitu petani dan nelayan dalam bentuk derma jihad, tidak kurang daripada \$40 juta. Mungkin PAS Kelantan miskin sedikit tetapi dia boleh minta bantuan untuk bayar deposit daripada PAS negeri Terengganu.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, atas penjelasan daripada Yang Berhormat tadi, Jadi, ini bermakna bolehkah saya katakan makna calon-calon PAS tidak perlu gadai geran tanah lagi di Terengganu sekurang-kurangnya. Ini jumlah yang banyak, saya pun terkejut juga begitu banyak derma yang dapat. Barangkali mungkin juga kita naikkan lagi tinggi depositnya (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, dari manakah UMNO mengutip wang \$400 juta untuk Putra World Trade Centre dan lain-lain projek raksasa. Adakah sebahagian daripada derma-derma itu dari Multi National Corporations. Adakah apa-apa bahagian dalam skandal BMF?

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, apa kena-mengena dengan Bangunan UMNO yang kita megahkan itu dengan pilihanraya ini? Kalau pihak DAP hendak buat bangunannya, buatlah

bangunan, belanjalah banyak mana, cuba buat. Saya rasa dia tidak larat, dia dengki pula kita buat (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya macam saya katakan tadi, sudah lama wang deposit ini tidak dinaikkan, jadi masanya sudah tiba. Kita juga hendak mengelakkan orang yang mengacau daun seperti yang saya katakan tadi.

Saya ingin juga menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sebenarnya apa yang diluluskan oleh Majlis Tertinggi UMNO ini merupakan cadangan daripada kita. Ini memang hak kitalah sebagai sebuah parti politik membincangkan, cara mana sebaiknya hendak mengatur strategi kita dan ini tidak bermakna kita hendak mendesak, memaksa Suruhanjaya itu mengikut apa yang kita hendak, kita cuba mencadangkan sahaja. Dan kita belum tahulah lagi sama ada pihak Suruhanjaya menerima cadangan kita ini, kerana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri memahami peraturan-peraturan yang ada mengenai pilihanraya ini dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya sendiri mengikut kuasa yang telah diluluskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jadi, peraturan-peraturan ini dibuat oleh pihak Suruhanjaya itu tanpa ada kaitan dengan mana-mana parti politik, apatah lagi UMNO kita mencadangkan sahaja. Mungkin juga. ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk disebut pepatah orang Inggeris, "Tell it to the Marines".

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat perkara itu ialah out of context. Sila teruskan.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Ini salah, sangkaan jahat tidak boleh. Sepatutnya tadi saya protes tetapi tidak apalah kerana barangkali Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak menunjukkan frustrasinya tidak dapat hendak membuat cadangan yang sama macam kita buat di Majlis Tertinggi UMNO, jadi saya biarkanlah.

Saya ingin menyatakan juga di sini, perkara-perkara yang ada kaitan dengan seksyen 12 (3) yang disebutkan oleh Yang Berhonnat dari Kota Melaka dan pihak yang lain. Pindaan ini sebenarnya dibuat bagi menyelaraskan dengan Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan, jadi ini adalah perlu dan saya telah diberitahu bahawa pihak Suruhanjaya sendiri sebenarnya sanggup membuat persediaan walau apa pun untuk menghadapi mana-mana pilihanraya. Ini merupakan kemampuan mana-mana Suruhanjaya, apatah lagi kita berasa terima kasih oleh kerana bukan sahaja kemampuan tetapi cara-cara Suruhanjaya ini dapat melaksanakan tugasnya dengan begitu adil sekali.

Mengenai Seksyen 14 (1) ini juga merupakan satu pindaan yang sangat perlu kerana di bawah peraturan dahulu kita hanya menggunakan bangunan-bangunan sekolah sahaja untuk dijadikan polling stations, dengan izin. Sekarang ini kita terdapat juga banyak bangunan-bangunan lain yang lebih sesuai dari segi lokasinya yang boleh digunakan, jadi pindaan ini perlu, tidak ada sebenarnya "udang di sebalik batu". Mengikut pandangan daripada DAP ini kalau kita tukar, kita hendak guna bangunan lain pun dia memikirkan ini barangkali Kerajaan mengadakan pilihanraya secara cepat, fasal apa mengikut amalan dahulu barangkali kita menunggu sekolah cuti, sekarang ini sekolah sudah cuti dan barangkali hendak menggunakan bangunan lain ini barangkali masa sekolah tidak cuti pun kita hendak mengadakan pilihanraya. Kalau ini pihak DAP hendak mengharap-

sebagai caranya bolehlah menganggapkan begitu tetapi saya hendak katakan di sini, bangunan-bangunan yang lain ini juga perlu kerana lokasi dan tempat ini lebih sesuai daripada sekolah.

Saya ingin juga mengambit peluang di sini menjelaskan bahawa kemampuan Suruhanjaya mengendalikan keadilan dalam mana-mana pilihanraya ini sepatutnya kita puji, bukannya kita keji. Seperti Ahli Yang Berhormat daripada Balik Pulau mengatakan tadi, sudah beberapa banyak pilihanraya kita adakan, kita tidak menghadapi setakat ini, alhamdulillah, satu masalah itu, jadi ini perlu diteruskan. Begitu juga mengenai umpamanya perkara yang disebutkan tadi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta jalan. Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri menganggap masalah yang timbul di negeri Sabah itu sejurus, selepas pilihanraya sebelum keputusan dibuat dengan muktamat satu krisis rampas kuasa telah berlaku. Adakah ini bukan satu tanda yang menunjukkan pilihanraya itu tidak begitu sempurna seperti yang disarankan tadi?

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan tadi, ada krisis rampas kuasa; siapa yang merampas siapa dan mana kuasa yang telah dirampas? Nampaknya keadaan sediakala dan pihak yang mempunyai kuasa itu sekarang menghendaki pilihanraya. Jadi, tidak ada pula kuasa dirampas. Saya tidak tahu di mana Yang Berhormat dari Kepong ini dengar cerita yang bukan-bukan ini.

Saya ingin juga menceritakan mengenai cadangan daripada Suruhanjaya hendak menyenangkan bprang ini. Sebenarnya ini jangan disalahtafsir oleh kerana barangkali ini menguntungkan mana-mana pihak.

Semua pihak sebenarnya untung kalau borang ini disenangkan. Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang juga bersetuju, mereka kata dahulu memang banyak calon-calon kita sengaja dikenakan kesalahan teknik kerana salah isi borang. Jadi, kalau sekarang ini kita hendak memperbaiki bentuk borang itu supaya lebih senang, yang menguntungkan sebenarnya lebih lagi kepada DAP daripada pihak kita. Saya kira punya kira, kalau campur, banyak lagi calon-calon Pembangkang dan calon Bebas ditolak kerana salah mengisi borang daripada calon kita. Kalau ikut UMNO barangkali kita hendak beri payah lagi borang ini supaya banyak lagi calon daripada DAP ditolak, tetapi kita tidak bermaksud hendak buat begitu dan kita cadangkan kepada Suruhanjaya supaya disenangkan. Ini juga satu proses untuk mewujudkan keadilan supaya orang tidak ditolak begitu, hasrat dia hendak bertanding, kita kata bertandinglah, kalau ada duit deposit—bertanding, sila. Ini sekarang kita membantu pula hendak menguatkan lagi keadilan dengan kita mengatakan kesalahan-kesalahan teknik tidak lagi ditolak. Jadi, itulah dua, tiga perkara yang saya dapat sebutkan di sini.

Seperkara lagi yang saya ingin sentuh juga mengenai Sabah tadi. Sebenarnya pihak Suruhanjaya mempunyai 90 hari untuk menentukan tarikh pilihanraya di Sabah. Jadi, memandangkan kepada keadaan yang semua kita tahu pada waktu dahulu itu memanglah perlu bagi Suruhanjaya ini memerhatikan dahulu keadaan dan dia tidak melampaui peraturan yang ada dan masalah, dengan izin, "frog jump" yang disebut oleh Ahli dari Kota Melaka ini; yang saya tahu "frog jump"—"lompat katak" ini berlaku di antara parti-parti Pembangkang sahaja, saya tahu daripada Barisan Nasional kita belum lagi melompatlah pergi kepada yang lain-lain. Barangkali

kalau ada satu-dua itu yang betul-betul "frust", itu saya tak tahulah, tetapi memang kita tak amalkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukankah Parti Berjaya, Parti Barisan Nasional di Sabah bukankah ada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Berjaya yang "frog jump"? Adakah ini menunjukkan bahawa ini pun penyakit dalam Barisan Nasional apabila menjadi Pembangkang? Kalau Bahsan Nasional sekarang jadi semua parti Pembangkang, mungkin majority akan frog jump.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, kuman ini mula daripada parti Pembangkang, dia cucuk kita, sudah orang kita dapat penyakit, tetapi sekarang ini sudah kita ubatkan. Orang kita, saya jamin, tak ada lagi hendak frog jump ini, tetapi penyakit itu masih ada lagi daripada pihak Pembangkang dan dia akan diteruskan dalam pilihanraya ini, saya rasa.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, (*Disampuk*) saya hendak habiskan ini, kalau panjang lagi nanti tak dapat kita hendak bawa Rang Undang-undang yang lain. Saya mengucapkan terima kasih, walau bagaimanapun, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Balik Pulau dan Pengkalan Chepa yang telah mengeluarkan hujah-hujah yang kesemuanya kita mengambil perhatian. Sekali lagi terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 11* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
KESALAHAN PILIHANRAYA  
(PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5.56ptg.*

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta yang dikemukakan ini yang mengandungi pindaan-pindaan kepada Akta yang saya maksudkan tadi adalah dinamakan sebagai Akta Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1986. Saya percaya Akta yang dikemukakan ini akan mendapat sokongan semua pihak kerana pindaan-pindaan kepada Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 telah dibuat dengan tujuan untuk memperkemaskan kawaJan terhadap perbuatan-perbuatan yang melanggar undang-undang dan perbuatan-perbuatan rasuah di dalam mana-mana pilihanraya di negara ini. Di samping itu, pindaan-pindaan yang dikemukakan ini juga telah menyentuh berbagai hal berkaitan dengan perlantikan ejen-ejen pilihanraya, perbelanjaan pilihanraya dan hal-hal yang berkaitan dengan petisyen pilihanraya yang kesemuanya boleh memberi faedah yang besar untuk melicinkan perjalanan pilihanraya di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada pun Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 telah dikeluarkan pada tahun 1954 sebagai Ordinan No. 9/54, ianya disemak semula pada tahun 198 dan diterbitkan sebagai Akta 5. Sepertimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum, Akta ini mengandungi berbagai perkara bersabit dengan hal-hal yang harus dan tidak harus dilakukan di dalam mana-mana pilihanraya, baik pilihanraya umum atau pilihanraya kecil, sama ada Pilihanraya Parlimen ataupun Pilihanraya Negeri. Khususnya Akta ini adalah bertujuan untuk menyekat dan melarang perbuatan-perbuatan yang melanggar undang-undang atau perbuatan rasuah di dalam mana-mana pilihanraya. Pihak-pihak yang melaksanakan tanggungjawab untuk menjalankan pilihanraya, seperti Suruhanjaya Pilihanraya telah mengkaji dengan mendalam peruntukan-peruntukan yang ada sekarang ini dan berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman pilihanraya yang lepas mendapati beberapa peruntukan yang wujud kurang sesuai dan perlu diperbaiki. Cadangan-cadangan yang dikemukakan ini mendapat sokongan pihak-pihak yang menguatkuasakan undang-undang bersabit dengan kesalahan pilihanraya bagi membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab bagi mengawal kesalahan-kesalahan pilihanraya secara teratur dan berkesan.

Undang-undang yang wujud sekarang sepertimana yang saya nyatakan tadi telah dibuat sejak tahun 1954 dan dengan demikian terdapat peruntukan-peruntukan yang kurang jelas dan nyata dan juga perkataan-perkataan yang membawa makna yang kurang jelas dan boleh mengelirukan dan dengan demikian perlu diubahsuai mengikut kehendak masa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan melibatkan hanya 23 perkara penting yang

mengalami perubahan isi atau "substance". Perubahan-perubahan lain mungkin melibatkan penyusunan semula perenggan-perenggan dan sebagainya yang tidak secara langsung atau secara tidak langsung mengubah maksud seksyen-seksyen yang berkenaan.

Untuk pengetahuan dan makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya sukacita memberi penjelasan sedikit tentang seksyen-seksyen yang penting yang mengalami perubahan mengikut Akta Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1986. Seksyen 2 Akta berkenaan telah dipinda untuk membenarkan takrif "polling day" atau "hari mengundi". Selama ini definisi "hari mengundi" tidak wujud dan membawa kepada pendapat-pendapat yang berlainan dan menimbulkan kesukaran kepada Pegawai-pegawai Penguatkuasa khususnya untuk menjalankan penguatkuasaan bagi hal-hal berkaitan dengan had atau limit, tempoh atau masa berkempen atau memancing undi terutama sekati apabila pengundian memakan masa raelebihi satu hari seperti yang masih dilakukan di Sabah dan di Sarawak. Dengan adanya takrif "Polling Day" ini maka dapat diketahui dengan nyata had aktiviti kempen oleh semua pihak yang terlibat di dalam pilihanraya.

Seksyen kecil (5A) dan 6A) seksyen 12 pula diwujudkan untuk menentukan bahawa secara otomatis seseorang calon itu akan menjadi agen pilihanrayanya sendiri sekiranya berlaku penarikan perlantikan agennya atau agennya meninggal dunia. Oi dalam keadaan yang demikian, alamatnya sepertimana yang diberikan dalam kertas penamaan calon adalah alamat yang dianggap sah mengikut kehendak undang-undang. Selain daripada pindaan-pindaan di atas, seksyen kecil (1) (a) dan (1) (b) seksyen 19 dipinda untuk menambah had perbelanjaan pilihanraya bagi seseorang calon iaitu daripada \$20,000 kepada \$50,000 bagi Dewan Rakyat

dan \$15,000 kepada \$30,000 bagi Dewan Undangan Negeri. Ini adalah menetapi kehendak umum bahawa had perbelanjaan yang ada sekarang bagi seseorang calon terlampau kecil dan dengan adanya keadaan inflasi dan sebagainya, maka had itu perlu dipertingkatkan supaya calon-calon dapat menggunakan perbelanjaan yang lebih sedikit daripada sekarang di dalam pilihanraya.

Seksyen-kecil (1) seksyen 23, seksyen-kecil (1) seksyen 24, seksyen-kecil (2) seksyen 24, seksyen-kecil (4) seksyen 26, seksyen-kecil (3) (a) seksyen 26A, seksyen-kecil (2) seksyen 26s dan seksyen-kecil (1) seksyen 30, melibatkan perubahan perkataan "the proper officer". Perkataan ini menimbulkan kekeliruan dan dengan demikian digantikan dengan pegawai-pegawai yang khusus seperti Pegawai Pilihanraya Negeri, Pegawai Polis, Pegawai Pengurus, Ketua Tempat Mengundi dan sebagainya mengikut mana yang sepatutnya. Ini adalah untuk menyenangkan pihak-pihak yang memerlukan khidmat pegawai-pegawai yang berkenaan untuk dapat terus berurusan dengan mereka. Seksyen-kecil (2) seksyen 26 dipinda untuk menegah perbuatan memberi, membekal, memakai, membawa atau menggunakan apa-apa bendera, merual, tetunggal-tetunggal, panji-panji, poster atau label sebagai "lencana parti" pada hari mengundi.

Seksyen-kecil ini menggantikan seksyen-kecil yang ada dengan peruntukan yang berbeza seperti yang saya nyatakan tadi. Dengan adanya peruntukan ini bermakna bahawa pada hari mengundi tidak ada sebarang pihak yang boleh menggunakan misalnya pakaian seperti T-shirt yang membawa lambang parti yang lebih besar dahpada yang dihadkan atau membawa lambang ketua-ketua parti atau tulisan dan slogan-slogan politik yang boleh ditafsirkan sebagai berkempen atau memancing undi. Dengan adanya undang-undang ini

akan mengelakkan perselisihan faham dan pertelagahan apabila terdapat setengah-setengah lambang, simbol atau slogan yang digunakan ke atas pakaian seperti T-shirt itu adalah bertujuan untuk menyinggung perasaan pihak lawan ataupun menimbulkan kemarahan pihak lain.

Perubahan juga dibuat kepada seksyen-kecil (1) seksyen 26s. Perubahan ini melibatkan urusan perayuan undi atau pemancingan undi yang memerlukan pengisian Borang E. Mengikut peraturan yang baru, Borang E perlu digunakan bukan sahaja untuk berucap di dalam rapat umum atau ceramah tetapi sesiapa juga yang bertindak bagi pihak calon mengadakan perkumpulan dan perjumpaan-perjumpaan umum dalam bahagian pilihanraya sebagai penganjur, orang yang berkenaan hendaklah mempunyai kebenaran bertulis daripada calon atau agennya dengan menggunakan Borang E yang dikehendaki oleh undang-undang.

Seksyen-kecil (1) seksyen-33 dipinda untuk membolehkan Hakim Besar Malaysia dan Hakim Besar bagi Negeri-negeri Borneo memberi persetujuan masing-masing supaya Hakim Mahkamah Tinggi kedua-dua bahagian itu dapat dilantik apabila perlu untuk menjadi hakim pilihanraya di mana juga kawasan yang terlibat sama ada di Sabah dan Sarawak atau Semenanjung Malaysia. Maksud di sini ialah bagi kes petisyen pilihanraya hakim bagi kedua-dua Wilayah ini dapat bertukar ganti sekiranya persetujuan diberi oleh Hakim Besar kedua-dua bahagian yang berkenaan. Dengan adanya peruntukan ini maka kes-kes petisyen pilihanraya akan dapat didengar dengan lebih lekas dan tidak terbantut disebabkan oleh ketiadaan Hakim untuk mendengarnya.

Seksyen-kecil (4) seksyen 33 dipinda Untuk menentukan bahawa bagi kes sementara interlocutori bersabit

dengan petisyen pilihanraya, jika diputuskan oleh Mahkamah Tinggi adalah muktamat dan tidak boleh dirayu lagi. Ini adalah untuk menentukan bahawa petisyen sesuatu pilihanraya itu dapat diselesaikan seberapa segera yang boleh.

Demikianlah di antara perkara-perkara yang penting yang perlu saya terangkan bersabit dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Kesalahan Pilihanraya 1954.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keterangan-keterangan yang saya berikan tadi dan memandangkan bahawa pindaan-pindaan kepada Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, yang terkandung di dalam Akta Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1986 telah digubal sedemikian rupa. Ianya akan memperkemas dan melicinkan kawalan ke atas kesalahan-kesalahan pilihanraya dan procedure-procedure yang berkaitan dengannya, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tidak akan ragu-ragu bahkan akan memberikan sokongan sepenuhnya terhadap Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Kesihatan (Dato' Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.06 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri kepada Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, dengan izin, satu "disappointment" yang besar. Mengikut "preamble Election Offences Act, 1954", yang berkata "an Act to prevent electoral offences and corrupt and illegal practices at elections", kalau kita meninjau sejarah election di negara kita dan perjalanan "Election Offences Act 1954", nampaknya dalam enam-enam pilihanraya besar dan dalam



semua pilihanraya kecil yang kita adakan semenjak merdeka negara kita mengadakan election yang begitu bersih, yang begitu suci, murni, semua mengikut undang-undang. Tidak ada "electoral offences and corrupt and illegal practices", sehingga apabila ada satu pindaan yang demikian, baharulah pindaan semacam seksyen 26 yang tadi ada dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri, tidak perlu ada apa-apa kajian electoral offences.

Adakah benar bahawa Malaysia antara sebuah negara di dunia di mana ada menjalankan election di mana hampir tidak pernah berlaku "election offences". Tidak benar, tidak benar setiap pilihanraya kecil, setiap pilihanraya besar berlaku di banyak tempat "election offences" yang sangat serius "corrupt practices, illegal practices" semacam terkandung dalam seksyen 8 treating, seksyen 9 undue influence, seksyen 10 bribery, tetapi mana ada tindakan-tindakan diambil terhadap mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan yang begitu serius semacam undue influence, seksyen 9, dengan izin.

"Every person who directly or indirectly, by himself or by any other person on his behalf, makes use of or threatens to make use of any force, violence, or restraint, or inflicts or threatens to inflict, by himself or any other person, any temporal or spiritual injury, damage, harm, or loss upon or against any person in order to induce or compel such person to vote or refrain from voting, or on account of such person having voted or refrained from voting, at any election, or who by abduction, duress, or any fraudulent device or contrivance impedes or prevents the free exercise of the franchise of any elector or voter, or thereby compels, induces, or prevails upon any elector or voter either to give or refrain from giving his vote at any election, or who directly or indirectly interferes or attempts to interfere with the free

exercise by any person of any electoral right shall be guilty of the offence of undue influence."

#### *Section 10—Bribery*

(a) every person who directly or indirectly, by himself or by any other person on his behalf, gives, lends, or agrees to give or lend, or offers, promises, or promises to procure or to endeavour to procure, any money or valuable consideration to or for any elector or voter, or to or for any person on behalf of any elector or voter or to or for any other person, in order to induce any elector or voter to vote or refrain from voting, or corruptly does any such act as aforesaid on account of such elector or voter having voted or refrained from voting at any election;" as guilty of bribery and corrupt practice.

Tidak pernah berlaku di Malaysia. Semua sangat bersih, rakyat tahu—rakyat tahu corruption yang raksaksa berlaku dalam masa pilihanraya besar. Wang digunakan, politics of money.

Kalau dalam pilihanraya besar Parti UMNO bahagian sahaja, kedudukan bahagian boleh belanja \$600,000. Kita bolehlah ingat, kita sendiri boleh fikir berapa banyak wang digunakan dalam elections. Dan angka ini bukan saya sebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sebut \$600,000 untuk belanja pilihan UMNO bahagian. Itu semua tahu. Tetapi dalam election offences sangat baik, cantik dalam Akta itu, tidak pernah dijalankan, tidak pernah dilaksanakan.

Apa guna kalau peruntukan-peruntukan tidak dinvoke supaya kita ada election yang bersih, yang demokratik, yang adil. Itulah satu masalah yang besar, yang kita perlu kaji apabila kita buat pindaan sini dan buat pindaan sana oleh kerana kalau Akta Kesalahan Pilihanraya tidak akan dilaksanakan, tidak guna, sia-sia

sahaja. Dan siapa yang bertanggungjawab mengikut Election Offences Act ialah selain daripada kesalahan-kesalahan yang kecil (*d*) dan (*e*) mengenai printing, posting. Kesalahan-kesalahan besar, corrupt practice, illegal practice, dengan izin, mengikut seksyen 11 (3);

"A prosecution for a corrupt practice except any corrupt practice as defined in paragraphs (*d*) and (*e*) of subsection (1) shall not be instituted without the sanction of the Public Prosecutor."

Mana Public Prosecutor, adakah tidur? Seksyen 26 pun sudah ada, dalam Principal Act sedikit pindaan sahaja, yang ini diakui oleh Rang Undang-undang ini bahawa itu satu peruntukan baru, yang berbeza dengan peruntukan yang ada sekarang, terutamanya dari segi liputan yang agak banyak diperluaskan bagi artikel-artikel yang menjadi perkara tegahan itu.

Di setiap pilihanraya kecil "polling day", di setiap pilihanraya besar "polling day", kita boleh tengok T-shirt beribu-ribu Barisan Nasional, dacing, mana-mana pun, mana tindakan diambil di bawah Election Offences Act? Datang sini kita tidak mahu ini, tetapi T-shirt Barisan Nasional, keadilan, sendiri buat kesalahan. Kenapa tidak mengambil tindakan kepada mereka melakukan kesalahan illegal practice, corrupt practice. Kita parti Pembangkang mahu tindakan diambil oleh kerana bukan kita yang buat salah. Kita tidak ada wang yang begitu banyak untuk beli undi-undi. Kita tidak ada wang begitu banyak untuk print T-shirt dan lain-lain. Itulah orang yang salah ialah calon-calon Parti Barisan Nasional, MCA, UMNO, MIC, GERAKAN dan semua. Dan kalau Akta ini diikuti, banyak Ahli-ahli Parlimen tidak boleh duduk di sini. Semua sudah disqualified oleh kerana melakukan electoral corrupt practice, illegal practice. Apabila kita mahu pinda

undang-undang, kita mahu serius, bukan untuk baca sahaja, seperti kuasa untuk menentukan sama ada mahu mendakwa atau tidak mahu mendakwa dalam tangan Pendakwa Raya. Tetapi adakah ini satu peruntukan yang memuaskan hati?

Apa yang berlaku dalam Sabah baru-baru ini satu contoh yang baik. Sebenarnya apa yang berlaku dalam Sabah menjadikan electoral offence yang terbesar oleh kerana dissolution sudah dibuat, ada usaha oleh orang-orang ekstrimis atau pemimpin-pemimpin politik yang tidak bertanggungjawab, yang mahu mencegah pilihanraya besar diadakan. Dan untuk 12 hari rusuhan, arson, bom-bom dan lain-lain, apa tindakan? Sebenarnya Election Offences Act, semua sudah dipecahkan. Mana Pendakwa Raya, Attorney-General atau Public Prosecutor untuk uphold law and order, dengan izin. Di Sabah, semua tahu siapa yang bertanggungjawab. Tetapi sini tidak tahu.

Tadi Yang Berhormat Menteri kata mana ada masalah yang serius. Mengikut seorang pemimpin UMNO, lima orang mati sahaja bukan masalah besar? Berapa orang Sabah mahu mati, barulah Kuala Lumpur mengakui ini masalah besar? Apabila saya berada di Sabah, saya ada pergi berjumpa Commissioner of Police, Pesuruhjaya Polis, saya tanya, "Apa tindakan diambil terhadap mereka yang buat kesalahan-kesalahan?" Dia kata, "Saya dapat arahan daripada IGP akan tangkap Yang Berhormat dari Kota Belud". Hari ini tidak. Adakah arahan ditarik balik? Adakah Attorney-General tukar arahan itu? Itu semua kita mahu tanya, kita tahu apabila kita mahu pinda Akta Kesalahan Pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk meninggikan maksimum undang-undang untuk belanja pilihanraya, seksyen 19 di mana ia akan dipinda supaya meningkatkan had

belanja pilihanraya yang dibenarkan bagi seseorang calon dari \$20,000 kepada \$50,000 dalam hal pilihanraya bagi Dewan Rakyat dan dari \$15,000 kepada \$30,000 dalam hal pilihanraya bagi sesuatu Dewan-dewan Negeri. Berapa orang calon Barisan Nasional mengikut had (ceiling) ini? Kita parti Pembangkang ikut, kita miskin, tidak ada wang, tidak ada "Putra World Trade Centre" untuk pergi menggadai. Tetapi berapa orang calon Barisan Nasional mengikut had maksimum ini. Setiap calon pecah peruntukan ini. Adakah pernah seorang ditangkap, didakwa dan disqualified lima tahun tidak boleh menjadi Menteri. Tidak boleh, tidak ada, apa erti? Kita tahu, rakyat tahu ini open violation, Tuan Yang di-Pertua. Dalam. ....

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** (*Bangun*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Adakah segala kesalahan yang disebutkan itu pernah dilaporkan oleh pihak DAP dan tindakan tidak diambil? Kerana dia tahu komplek. Saya hendak tahu, barangkali dia tidak buat komplek, Kalau tidak ada komplek, tidak ada kesalahan, jadi tidaklah ada tindakan dibuat. Adakah laporan dibuat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Sekarang saya komplek. Sekarang saya kompian, mana tindakan. Dahulu saya ada komplek, mana tindakan?

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Sekarang bukan pilihanraya. Ini dalam Dewan. Apa komplek sekarang, masa pilihanrayalah komplek.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia pandai pura-pura. Lain kali menjadi Menteri pura-pura. Kita semua tahu kenyataan.

Di Sabah setiap kawasan sekurang-kurangnya purata (average) belanja Barisan Nasional \$2 juta. Bekas Perdana Menteri Tunku Abdul

Rahman Putra Al-haj pun beberapa kali ada tulis dalam rencana mingguannya "open secret", di Semenanjung (Peninsular Malaysia) \$250,000-\$300,000 biasa. Dan ini adalah perkara pokok, kalau dalam election mahu belanja, mahu mencurahkan wang yang begitu banyak tentulah mereka yang melaborkan dalam perkara ini akan menuntut dividen mereka, bukan 3 kali, bukan 10 kali, mungkin 20 kali. Dengan sebab itu, korupsi bermaharajalela dalam negara kita. Dan dengan pembentangan pindaan ini \$20,000 kepada \$50,000, \$15,000 kepada \$30,000 untuk MP, untuk Assemblymen tidak bererti langsung kalau pihak yang bertanggungjawab tidak mahu melaksanakannya. Tidak guna datang ke sini dan kata tidak tahu. Yang Berhormat Menteri sendiri mengakui berapa belanja dia dalam pilihanraya besar, open dan tidak open, nyata dan tidak nyata dan apa yang dibelanja oleh parti. ....

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Peraturan Mesyuarat 36 (6) tidak boleh membuat sangkaan yang jahat seperti perbelanjaan yang bukan-bukan oleh Ahli yang lain. Maksud saya tadi dia sudah kata saya pura-pura, saya diam. Ini dia kata. Bila saya benarkan itu banyak pula sangkaan jahat yang lain timbul. Saya harap peraturan dibuat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sayaharap Yang Berhormat dari Kota Melaka mematuhi peraturan itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik, saya tidak tahulah Yang Berhormat Menteri tak mahu jawab, terpulang kepada rakyat untuk buat kesimpulan mereka masing-masing, mahu jawab pun ada kesimpulan, tak mahu jawab pun ada kesimpulan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah satu test, tidak bererti. Saya berani kata di sini kalau kita ikut peraturan ini ramai orang mahu dakwa dalam mahkamah dan kalau kita mahu mengikut

peraturan ini, peruntukan ini, kenapa kita mahu ada pindaan ini, buang sahaja lebih baik, Apabila undang-undang tidak dihormati dan rakyat tahu ia tidak dihormati, tidak dipatuhi siapa rugi? Imej undang-undang rugi. Kita bukan memberi satu servis, perkhidmatan bakti kepada rakyat dan negara. Sebaliknya, kita menurunkan darjat (reputation) undang-undang—maruah jatuh. Siapa bertanggungjawab? Kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab. Kalau kita mahu menghadapi masalah ini, masalah wang, politik wang kita perlulah satu kajian, satu fikiran yang baru, apa tujuan demokrasi, apa tujuan pilihanraya, bukan untuk Barisan Nasional menang dapat 2/3 jadi tyranny of the majority. Itu bukan tujuan pilihanraya, itu bukan tujuan demokrasi. Tujuan pilihanraya, tujuan demokrasi ialah supaya rakyat ada peluang untuk menggunakan hak mereka memilih sesiapa calon, apa parti, apa dasar yang mereka mahu dalam negara kita supaya mereka ada hak menentukan masa depan mereka. Itulah tujuan dan dengan itu kita mahu meninjau sama ada Akta Pilihanraya, Akta Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) adalah setaras dengan tujuan ini.

Satu langkah yang kita boleh ambil untuk mengelakkan daripada politics of money, politics of opportunism, politics of prostitution ialah supaya kita mencegah wang, menjadikan satu faktor overpowering untuk menentukan siapa boleh bertanding, siapa boleh jadi calon, jangan beri kepada sesiapa yang ada wang untuk mempengaruhi pemilihan calon, untuk menentukan kejayaan calon. Dan apa yang kita perlu fikir untuk kepentingan nasional, bukan untuk kepentingan parti ialah bahawa satu sistem State financing untuk calon-calon, untuk parti-parti politik diadakan semacam yang dilakukan di beberapa negara yang lain. Tentulah untuk parti-parti pemerintah tidak mahu oleh kerana menganggap perkara ini daripada segi

narrow, petty, parti dia, tetapi daripada segi stand point national itulah untuk negara, untuk memupuk satu perkembangan sistem instructure, institusi demokrasi yang sihat, itu kita perlu. State finance parti-parti, calon-calon dan dengan peruntukan yang dikuatkuasa dengan tegas, mencegah semua kesalahan-kesalahan corrupt, illegal, yang sudah dalam statut kita untuk 32 tahun, tetapi tak pernah diambil perhatian berat oleh sesiapa.

Saya harap bahawa dalam perkara ini tentulah Yang Berhormat Menteri tidak akan tarik balik semua pindaan-pindaan, dia tidak ada kuasa, tetapi saya harap bahawa ini boleh menjadi satu panduan untuk masa depan, bukan untuk kepentingan parti tetapi untuk negara, untuk sistem demokrasi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.25 ptg.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan.

Saya terpaksa menjawablah kerana rakan saya daripada Barisan Nasional tidak sempat membantu saya oleh kerana masa. Walau bagaimanapun saya ingin menyentuh dahulu perkara-perkara yang ada kaitan dengan seksyen 19, Akta Kesalahan Pilihanraya yang dipinda untuk meningkatkan had belanja pilihanraya, yang dibenarkan bagi seseorang calon daripada \$20,000 kepada \$50,000 bagi Dewan Rakyat dan daripada \$15,000 kepada \$30,000 bagi Dewan Negeri. Kenaikan had perbelanjaan yang dicadangkan dan juga yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka tadi juga yang dikatakan amaunnya seolah-olah tidak munasabah, dan seolah-olah ini juga menggambarkan adanya politik wang dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan had perbelanjaan pilihanraya sepertimana yang dicadangkan itu adalah sebenarnya berpatutan, memandangkan kepada kenaikan harga barang-barang termasuk kos percetakan dan berbagai upahan yang lain dan had perbelanjaan pilihanraya yang asal yang ditetapkan pada tahun 1954 telah tidak dinaikkan. Ini telah menyebabkan semua calon bukan sahaja daripada parti Kerajaan, bahkan daripada parti Pembangkang juga menghadapi kesukaran untuk menepati had ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak habiskan hari ini juga ataupun kita hendak menyambung supaya menghabiskan Rang Undang-undang ini, mintalah supaya disambungkan masa sehingga selesai Rang Undang-undang ini.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang kita habiskan hari ini.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Persidangan Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) diluluskan dan selepas itu Dewan ini ditangguhkan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong,

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri untuk disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Persidangan Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) diluluskan dan selepas itu Dewan ini ditangguhkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

### RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN PILIHANRAYA (PINDAAN)

*Perbahasan disambung semula.*

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung saya telah katakan tadi, perbelanjaan pilihanraya yang asal ini kita menetapkan pada tahun 1954 dan semenjak itu harga barang sudah naik, dan saya percaya had baru ini akan menguntungkan semua pihak termasuk juga parti Pembangkang.

Sebagai contoh umpamanya ada kalanya kos percetakan sahaja sudah melebihi had yang dibenarkan mengikut peraturan yang ada sekarang.

Mengenai perkara politik wang, saya rasa ini merupakan satu istilah sahaja. Perkara seperti ini kadangkala sengaja ditimbulkan untuk memberi gambaran, khususnya oleh parti Pembangkang seolah-olah kita menang pilihanraya ini oleh kerana kita menggunakan politik wang. Sebenarnya, kita mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Kalau di setengah-setengah negara di Afrika,

barangkali bayang Parti Pembangkang pun tidak dapat, apatah lagi daripada parti DAP, kerana mereka mengamalkan sistem satu parti. Di sini kita membenarkan banyak parti-parti pembangkang. Jadi kalau sekiranya parti DAP tidak menang banyak calon bertanding, itu jangan salah kepada Kerajaan atas alasan mengamalkan politik wang. Janganlah salahkan Suruhanjaya Pilihanraya, tetapi salahkanlah diri sendiri kerana rakyat tidak mahu terima, sudah tentu dasar DAP tidak dapat diterima (*Tepuk*).

Begitu juga mengenai perkara yang berlaku di Sabah seperti yang disebutkan, sebenarnya tidak ada usaha-usaha atau galakan, apatah lagi daripada pihak Kerajaan sendiri. Kalau terdapat elemen-elemen atau gejala-gejala yang tidak puas hati di sana, mungkin juga ini merupakan cara untuk menggambarkan mereka tidak puas hati. Tetapi yang saya ingin menjelaskan di sini, kita tahu tunjuk perasaan seperti ini hendak menggambarkan ketidakpuasan hati ini, kita memang tahu itu melanggar daripada peraturan. Dan dalam hal ini pihak Polis telah pun bertindak dan mengambil tindakan tidak membenarkan keadaan-keadaan seperti ini.

Seperti kita ketahui setelah Kerajaan meninjau sendiri dan Suruhanjaya membuat keputusannya sendiri, kita telah memutuskan bahawa pilihanraya negeri Sabah itu seperti yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri itu akan diteruskan walaupun pihak DAP pada mula-mulanya menganggap dengan adanya peristiwa-peristiwa tunjuk perasaan ini seolah-olah mereka ini boleh mempengaruhi pemikiran kita supaya mengelakkan daripada pilihanraya diadakan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya inginlah juga meyakinkan, khususnya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa maksud pindaan-pindaan yang

kita buat tadi itu hanyalah untuk membaiki lagi, bukan sahaja perjalanan pilihanraya tetapi untuk memperketatkan lagi segala liku-liku yang boleh menimbulkan kesalahan. Saya ingin memperkatakan sekali lagi di dalam keadaan kita mengadakan pilihanraya setelah kita sendiri mengetahui kesalahan-kesalahan, adalah menjadi tanggungjawab kita juga melaporkan kepada pihak yang berwajib sekiranya terdapat kesalahan. Saya sudah katakan tadi kalau kesalahan tidak dilaporkan, kita menganggapkan kesatahan tidak ada berlaku.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, hujah-hujah Yang Berhormat Menteri itu kurang wajar, kerana saya sendiri dalam beberapa pilihanraya kecil dan pilihanraya umum melaporkan kepada Polis bahawa ada satu kejadian tiga empat tahun yang lalu di Raub semasa pilihanraya kecil di adakan di situ, saya dengan Inspektor Cawangan Khas sedang berjalan ke situ tiba-tiba daripada Pejabat MCA mengeluarkan nyanyian haram, nyanyian komunis. Saya tunjukkan kepada Inspektor itu, itulah nyanyian haram, ambil tindakan. Saya melaporkan perkara itu tetapi itu sia-sia sahajalah, tidak ada apa-apa tindakan.

Begitu juga dengan pilihanraya 1982, sepanduk-sepanduk dan kain pemedang sahaja \$20,000 lebih. Saya nampak di situ tidak ada tindakan, nyata kain-kain pemedang dan sebagainya, tetapi Kerajaan tidak ambil tindakan. Jadi apakah gunanya dengan pindaan-pindaan itu semua, jika itu cuma untuk mewujudkan kemunafikan dan kepura-puraan sahaja?

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjelaskan barangkali yang menyanyi tadi ahli-ahli DAP. Apa buktinya Yang Berhormat katakan yang nyanyian itu dari ahli Barisan Nasional? (*Tepuk*) Sebab itu bila Yang

Berhormat dari Kepong lalu, mereka menyanyi, tentu itu ahli dialah. (*Ketawa*) Takkan ahli dari Barisan Nasional hendak menyanyi untuk dia, apa keistimewaan dia. Jadi itu mesti ahli-ahli dia.

Saya hendak menjelaskan fasal T-shirt, fasal poster dan lain-lain. Kalau mengikut kajian—ini mengikut kajian—yang sebenarnya pihak yang banyak melanggar peraturan jni ialah pihak DAP. Poster dia itu bukan-bukan lagi, poster kita tidak pernah buat gambar-gambar, dia macam-macam gambar yang bukan-bukan dia taruh di situ. Tetapi kita membenarkan kerana kita tahu apa jenis poster dia gunakan memang tidak menang juga. Dan memandangkan dalam suasana pilihanraya ini memanglah kita melapor, pihak itu pun melapor, semua pihak hendak melapor sahaja.

Jadi, yang boleh mengambil tindakan kesudahannya ialah pihak yang berwajib. Dan saya menjelaskan di sini pihak yang berwajib memang mengambil tindakan, kalau ada laporan, kita dapat memastikan betul-betul ini dia ada kesalahan, sudah tentu pihak berwajib mengambil tindakan. Janganlah lambat sangat. Umpamanya, saya baru dengar hari ini sahaja Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengeluarkan banyak komplek mengenai pilihanraya. Tahun 1982 pun baru sekarang dia komplek. Inilah dia yang tidak kena. Tuan Yang di-Pertua. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Menteri semak balik *Hansard* beliau akan tahu bahawa ini bukan kali yang pertama, banyak kali, mungkin *Hansard* belum keluar.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, ini kesalahan pilihanraya. Jadi kita patut membuat laporan ketika itulah.

Dalam ucapan ini, yalah, saya pun banyak juga komplek fasal DAP, kerana kadangkala apabila kita

berucap dia keluar daripada Dewan. Ini apa yang telah bertaku dalam Dewan. Kita ini berbincang fasal apa yang seharusnya berlaku dalam suasana pilihanraya.

Jadi, sekali lagi saya tidak hendak bertaki dengan panjang lebar dengan Ahli DAP ini tetapi saya percaya dan yakin pindaan-pindaan yang telah kita pinda untuk membaiki Akta Kesalahan Pilihanraya ini akan mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini sekarang dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 15* diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, Selasa, 8hb April, 1986.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.*